



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 23 BILANGAN 52

RABU 27HB. DISEMBER, 1978.

1399 رابو 26 محرم

PERCHUMA

LAZIMKAN CHARA ISLAM DALAM PENGHIDUPAN

HARI2 - S.U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 dan kakitangan Kerajaan telah di-seru supaya sama2 menjwai dengan amalan terhadap tugas mendakwah diri sendiri dan masyarakat.

Tugas memperbaiki diri sendiri dan masyarakat itu hendaklah selaras dilakukan demi untuk kebahagiaan dan masa depan kita yang gemilang.

Mereka juga di-ingatkan supaya berpegang teguh kepada agama dalam erti mengikut segala prinsip dan

dasar2 yang di-perentahkan.

Mereka juga di-peringatkan bahawa tiba-lah masanya sekarang kita meng-Islamkan chara2 hidup bangsa dan negara kita yang kita mulakan dari perkara2 hari2, dari chara makan minum, pakaian, pergaulan dan pekerjaan kita.

Seruan dan peringatan itu telah di-lafadzkan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika merasmikan penutupan Seminar Dakwah Islamiah Pegawai2 Rendah Kerajaan yang berlangsung di-Dewan Sekolah Menengah Arab (Lelaki) Hassanah Bolkiah lewat petang semalam.

Dalam mempraktikkan seruan itu, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya menyeru supaya kita membiasakan memilih2 makanan supaya tidak termakan barang2 yang haram, lazimkanlah berpakaian chara Islam seperti bagi orang perempuan memakai tudung dan menutup aurat dan sibarkanlah salam kepada saudara Islam serta bekerja-lah dengan tekun, didekasi dan taat serta amanah.

Mengenai dengan gerakan dakwah, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan itu yakin bahawa ia-nya akan lebih berjaya lagi jika di-lakukan sa-chara bersungguh2 oleh orang2 berilmu yang menyang profeshen mereka itu untuk menyampaikan pengajaran2 agama seperti Guru2 Ugama.

Yang Berhormat itu mengingatkan tentang moto seminar yang berbunyi "mendakwah diri sendiri dan masyarakat" yang menurutnya bahawa sa-tiap pendakwah terpaksa-lah menelan hakikat itu walaupun kadang2 terasa pahitnya.

Maka itu, kata-nya, "hendaklah di-jauhi sejauh2nya sikap ketam mengajar anak-nya berjalan lurus."

Tentang memulakan dakwah itu pula, Yang Berhor-

mat Setia Usaha Kerajaan mengingatkan masyarakat Islam di-negeri ini supaya terlebih dahulu menyibarkan-nya di-kalangan keluarga sendiri dan sa-telah keluarga sendiri benar2 "usai," maka baharu-lah menyibarkan-nya kepada orang lain. Kata-nya, dari segi hukum dan penyampaian dakwah, Rasulullah s.a.w. telah memberi contoh2 yang amat tepat dan indah sekali. Baginda mula2 telah "mengusai" keluarga-nya ter-

lebih dahulu, kemudian baharu-lah melancarkan gerakan2 dakwah yang hebat kepada orang ramai.

Terdahulu dari itu, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan telah menimbulkan tentang penunjolan karya2 sains dan teknologi menjadi sukut2 utama kepada manusia dan negeri2 yang maju dalam bidang itu di-panggil "maju dan bertamaddun"

Lihat muka 16



**Mengingati
Allah dgn
penoh
khusu',
tawadhuk
dan takwa**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Umat Islam di-seru supaya memperkuat pengetahuan2 merapatkan diri dengan Allah sa-bagai teras durongan untuk berdakwah kepada keluarga dan masyarakat.

Merasmikan Seminar Dakwah Islamiah Pegawai2 Rendah Kerajaan pada hari Ahad lepas di-Dewan Sekolah Menengah Arab (Lelaki) Hassanah Bolkiah, Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Zain telah menggariskan perkara2 pokok mengingati Allah dan rahmat Allah dengan simpulan bahawa mengingati Allah, do'a dan istighfar ada-lah tiga perkara pokok bagi hamba yang beriman kepada Allah dengan perasaan yang penoh khusu' dan tawadhuk serta takwa.

Lihat muka 16

Melanggar sharat2 tanah TINDAKAN TEGAS AKAN DI-AMBIL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan telah mengambil tindakan tegas terhadap beberapa keping tanah di-Daerah Brunei-Muara yang di-dapati sama ada melanggar sharat2 yang di-berikan mahupun mansoh-nya tempoh pajakan.

Ini termasuk-lah tindakan mengambil alih tanah2 yang berkenaan tanpa sebarang ganti rugi.

Pesuruhjaya Tanah, Awg Haji Mohammad bin Haji Serudin hari ini menyatakan bahawa tindakan telah di-amal terhadap tanah TT 65 Lot 96 di-Bandar Seri Begawan di-mana berdirinya Bangunan Cathay yang antara mengisikan bangunan itu ia-lah Hotel Puspas.

Pesuruhjaya Tanah itu mensahkan bahawa tempoh pajakan ka-atas tanah tersebut sa-lama 25 tahun akan berakhir pada 29hb Mach, 1979 dan Kerajaan memutuskan sekali2 tidak akan membaharui-nya dan



Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin.

tidak akan membayar ganti rugi.

Kerajaan juga memutuskan tidak akan melayan sebarang permohonan dari sesiapa jua pun untuk menyewa tapak tersebut sebaik2 saja ia-nya menjadi hak Kerajaan pada 29hb Mach, 1979 ini. Ini bermakna bahawa mulai tarikh tersebut, Kerajaan akan mengambil alih tapak tanah tersebut.

Pesuruhjaya Tanah telah pun mengeluarkan pemberitahuan kepada penyewa2

tanah tersebut mengenai dengan keputusan Kerajaan itu dan menasehatkan mereka supaya mengambil langkah2 sa-perlu-nya termasuk mengenai dengan penggunaan atau penyewa2 bangunan di-atas tanah itu. Mereka juga di-beritahu bahawa Kerajaan, dalam keadaan apa sekali pun, tidak akan mengubah keputusan-nya ia-itu pajakan tersebut tidak akan di-sambong lagi.

Sa-lain dari tindakan ka-atas tanah tersebut, Pesuruhjaya Tanah, Awang Haji Mohammad juga mensahkan tindakan ka-atas tanah di-mana terdirinya bangunan Flat Hock Huat yang letak-nya di-Kampung Sungai Akar, Jalan Kebangsaan.

Sharat yang di-bolehkan bagi penggunaan tanah tersebut ia-lah pertanian, tetapi bukan perumahan atau pun yang lain dari apa yang di-persharatkan.

Menurut Pesuruhjaya Tanah itu bahawa pemberitahuan awal telah pun di-keluarkan kepada tuan punya tanah tersebut apabila Kerajaan mendapati yang tanah itu telah digunakan dengan mendirikan sa-buah flat.

Lihat muka 16

TUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson telah membuat lawatan singkat ka-Pangkalan Angkatan Laut Pertama Askar Melayu Diraja Brunei di-Muara pada hari Khamis minggu lalu.

Awang Watson yang di-iringi oleh Pemerintah AMDB, Brigadier Dato Norman Roberts tiba di-pangkalan itu dengan sa-buah helikopter dan di-alu2kan oleh Pegawai Pemerintah pasokan, Lt Kol T. Wilts.

Dalam lawatan itu, Awang Watson telah di-bawa kapal KDB Pejuang — kapal peluru berpandu yang kedua bagi pasokan itu yang telah tiba baru2 ini dari Singapura.

Kemudian Awang Watson telah di-bawa ka-Tanjong Pelumpong dengan sa-buah bot penyerang yang laju untuk menyaksikan satu tunjok chara bagaimana pasokan bot khas angkatan tersebut mengatasi penyeludup2 yang chuba masuk melalui Telok Brunei, seperti kelihatan dalam gambar atas. Membelakangi kamera ia-lah Brigadier Dato Norman Roberts yang mengiringi Awang Watson dalam lawatan itu.

Mashuarat Agong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Angkatan Kampong Setia — AKSE akan mengadakan mashuarat agong-nya yang ke-empat pada hari Ahad 31hb Disember ini mulai jam 9.00 pagi.

Ahi2 persatuan serta penduduk2 Kampong Setia ada-lah di-minta hadir ka-majlis tersebut.



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

27HB. DISEMBER, 1978

UNDANG2 DADAH 1978

UNDANG2 Penyalah-gunaan Dadah, 1978 telah pun di-luluskan tanpa apa2 pindaan sa-telah Ahli2 Yang Berhormat Majlis Mashuarat Negeri membahaskan-nya dan sudah kena pada waktu-nya undang2 tersebut di-hadapkan untuk di-laksanakan di-negara kita yang kecil ini, tetapi biar pun kecil berbagai masaalah boleh timbul dan terjadi yang tentu-nya di-ujudkan oleh perbuatan yang bertentangan dengan aspirasi masyarakat kita samada yang di-hasilkan oleh sikap ikut2an atau oleh beberapa pengaruh yang sengkaja di-impot atau di-sadur untuk di-jadikan sa-bagai satu chara hidup yang tidak sehat dalam masyarakat kita oleh sa-gelintir manusia dalam masyarakat kita juga. Semua itu ada-lah merupakan suatu chubaa dan peringatan kepada kita.

Memang-lah sudah menjadi kelaziman dan teradat bahawa sa-tiap undang2 yang hendak di-chiptakan atau di-laksanakan di-mana2 juga negara pada sebahagian-nya terlebih dahulu di-hadapkan dan di-bahaskan kepada dewan raayat (kita Dewan Majlis) yang merupakan sa-buah badan perundangan yang tertinggi, kechualihlah bersebab dari satu2 perkara yang istimewa ia-nya boleh di-luluskan mengikut per-untukan perlembagaan negeri itu.

Dan bagi negara kita Undang2 Penyalah-gunaan Dadah 1978 yang baru di-gubal bagi menggantikan Undang2 Dadah Berbahaya 1956 telah pun di-kuat-kuasakan menerusi Kuasa Perintah Dharurat, Perlembagaan Negeri Brunei pada 1hb Julai, 1978, dan sa-jauh ini sudah terdapat sa-ramai kira2 100 orang penageh dadah di-negeri ini. Kita tentu bersukor yang sa-bahagian besar jumlah itu ada-lah terdiri dari mereka yang mendatang ka-negeri ini (orang luar negeri), namun demikian kita jangan lupa bahawa dengan ada-nya kelompok manusia sa-umpama ini sedikit sa-banyak beberapa orang dari raayat telah dapat di-rasok oleh mereka sudah tidak dapat di-nafikan.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar ketika membentangkan hujah2-nya bagi usul berkenaan telah menjelaskan bahawa 27 orang dari 30 orang yang telah masuk dalam perangkap pehak pulis sejak undang2 berkenaan di-kuat-kuasakan telah di-jatuhkan hukuman.

Dari kedua2 penjelasan tadi, jelas-lah kepada kita betapa penageh2 dadah yang terdiri dari pendatang2 itu chuba melakukan sesuatu onar di-kalangan masyarakat kita yang maseh harmoni dan tahu harga diri-nya. Sifat-nya sa-bagai pendatang boleh-lah kita katakan sa-bagai manusia yang sedang tenat menghadapi kesempitan hidup di-negara mereka sendiri dan dari ka-negeri ini jiwa mereka maseh resah gelisah. Justeru kerana keperitan yang kian menchekek dan tidak dapat di-selesaikan dengan pertimbangan akal yang sehat maka ia berusaha untuk meng-hilangkan pahit maung-nya suasana hidup yang penoh ragam ini dengan jalan yang mudah ia-itu dengan menghisap atau memakan dadah, sebab dadah ada-lah sangat mujarab bagi maksud demikian.

Atau mungkin kerana mereka ada-lah gerombolan penageh dan sindiket penyebar dadah yang ingin menghanchorkan keharmonian dan kesejahteraan hidup masyarakat yang bergerak di-mana2 juga. Lantas kalau ini-lah tujuan mereka sudah wajar undang2 tersebut di-adakan di-negeri ini, agar kegemilangan hidup jenerasi yang akan mewarisi masyarakat kita di-hari depan tidak akan hanchor kerana-nya.

Peruntukan hukuman yang di-muatkan dalam undang2 berkenaan juga ada-lah suatu yang sa-timpal, malah lebih berperikemanusiaan. Sebab bagi sa-tengah2 negara jiran, hukuman kepada mereka yang di-dapati thabit kesalahan dalam undang2 sa-umpama ini sa-bahagian-nya di-jatuhkan hukuman mati.

Kerana itu kepada belia2 dan ibu-bapa serta masyarakat negeri ini harus-lah menyedari betapa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia maseh sayang dan kaseh kepada kita dengan tidak sampai memutuskan sesuatu hukuman yang dahshat atas kesalahan penyalah-gunaan dadah ini. Namun begitu jangan-lah sampai kita mempermainkan dan membodohkan diri sendiri kerana hukuman demikian, malah kita sa-bagai raayat wajar sekali menjunjung terima kaseh dan melaksanakan tanggung-jawab kita yang di-harapkan lebih2 lagi dalam saat kita bersiap diri menjenguk pintu kemerdekaan.

KERAJAAN, menerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi terus menyediaan pinjaman2 mudah kepada raayat yang bertujuan untuk mendirikan per-usahaan2 sa-chara kecil2an di-mana akan terdapat kesulitan dalam mendapatkan bantuan kewangan melalui saloran2 biasa. Lembaga ini juga telah mengkaji serta menggalakkan penubuhan perusahaan2 baru yang lebih besar bentuk-nya menerusi pelaksanaan Undang2 Galakan Pelaburan.

Di-kala saya berucap dalam majlis ini di-tahun lepas saya telah menyatakan yang saya menduga bahawa baki keridit yang akan terdapat dalam Kira2 Hasil Yang Di-Satukan pada 31hb Disember 1978 akan berjumlah Br\$6,383 juta. Perbelanjaan di-sepanjang tahun 1978 telah terbokti kurang dari yang telah di-anggarkan dan nampak-nya sekarang pada akhir tahun ini baki terkumpul-nya sa-patut-nya-lah berjumlah Br\$6,649 juta.

Dalam tahun 1979 hasil pendapatan di-duga akan berjumlah Br\$2,386 juta sedangkan perbelanjaan pula ada-lah di-anggarkan sa-banyak Br\$979 juta, dengan itu memberikan satu lebehan hasil pendapatan sa-banyak Br\$1,407 juta. Satu sumbangan sa-banyak Br\$100 juta akan di-buat kepada Kumpulan wang Kemajuan dengan itu baki keridit dalam Kira2 Hasil Yang Di-Satukan pada 31hb Disember 1979 sa-patut-nya-lah berjumlah Br\$7,956 juta.

Butir2 mengenai dengan hasil dan perbelanjaan yang merupakan Belanjaan Negara untuk tahun 1979 ada terkandung dalam anggaran2 yang di-bentangkan di-atas meja pada permulaan persidangan ini dan di-tandakan sa-bagai Kertas Bilangan 1. Ia-nya ada-lah hasil usaha dari penelitian yang panjang-lebar terhadap semua permohonan2 Jabatan2 Kerajaan bagi mendapatkan wang peruntukan dalam tahun 1979 yang telah di-jalankan oleh sa-buah jawatankuasa yang terdiri dari Ahli2 Yang Berhormat Majlis Mashuarat ini. Saya ingin memberikan penghormatan saya terhadap usaha yang bersungguh2 serta ketelitian Ahli2 Berhormat itu dalam melaksanakan tugas ini. Keperluan bagi mengadakan penelitian yang sa-halus2-nya itu tidak-lah timbul oleh sebab mustahak-nya perbelanjaan wang negara di-batasi menurut had2 yang ketat tetapi lebih tepat sebab-nya ia-lah kerana hasrat untuk memastikan bahawa dalam mengadakan perkhidmatan2 awam yang bermutu tinggi perbelanjaan wang negara ini tidak akan di-buat dengan membazir atau memboros. Tiada terdapat keperluan di-sepanjang tahun ini untuk mengubah chorak perchukaaian dan rundingan2 teliti yang di-jalankan dengan sharikat2 minyak dan gas dalam beberapa tahun kebelakangan ini di-harap akan berhasil dengan satu tempoh kestabilan kedudukan kewangan negara untuk beberapa ketika yang akan datang.

Dengan membuat rujukan kepada Anggaran2 Hasil dan Perbelanjaan, BERIKUT ia-lah sambutan ucapan Pegawai Kewangan Negara, Y.B. Pehin Orang Kaya Khanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee ketika membentangkan Rang Undang2 Perbekalan Negara bagi tahun 1979 di-Majlis Mashuarat Negeri.

Ahli2 Yang Berhormat akan dapat memperhatikan bahawa susunan perbelanjaan ka-atas perkhidmatan2 yang berulang2 yang di-tetapkan dalam beberapa tahun lalu, telah dapat di-kekalkan. Kerajaan sedang berusaha untuk memperbaiki serta memperluaskan lagi kemudahan2 awam dalam bidang perbekalan Letrik, Ayer dan Perkhidmatan Talikom, juga untuk mengadakan perkhidmatan2 penting seperti Pasokan Bomba, Pos, Penjara dan Ukur, juga untuk mengekalkan keperluan2 pelabohan laut dan lapangan terbang di-darat, untuk mempertinggikan lagi taraf jalan-nya2 dan mengawal perayeran sungai2 dalam negeri, untuk menegakkan satu kehakiman yang adil dan saksama, untuk menggunakan sumber2 asli dengan chermat, dan pada masa yang sama untuk menyediakan keperluan2 raayat serta penduduk negeri ini dalam bidang keugamaan, sosial, perubahan dan kebudayaan.

Dalam kesemua bidang ini ada terdapat mutu2 perkhidmatan yang kian bertambah baik. Kesungguhan ketua2 jabatan dalam menghadapi chabaran untuk memmodernkan dan memajukan dalam bidang masing2 ada-lah patut di-puji dan mana2 pembatasan kewangan jika ada di-buat pun tujuan-nya ada-lah untuk memastikan bahawa perkembangan dalam semua bidang kerajaan ada-lah lebih tepat di-buat untuk maksud2 penyelarasan kemajuan daripada tujuan untuk mengekang usaha pembaikan2 yang di-ingini lantaran perlu-nya di-ketatkan kawalan kewangan.

Keperluan bagi mengadakan pasokan2 keselamatan yang mencukupi terus memerlukan sumbangan dari sumber2 kewangan negara, namun hal ini dapat menekankan lagi per-

KELEBEHAN HASIL YANG DI-PEROLEHI TAHUN DEPAN DI-ANGGARKAN SA-BANYAK \$1,407 JUTA

kuat-nya keazaman kerajaan untuk memastikan bahawa orang ramai tidak perlu takut terhadap terganggu-nya keadaan2 aman tenteram yang terdapat masa ini oleh anasir2 yang berontak. Kedua2 Pasokan Pulis Diraja Brunei dan Askar Melayu Diraja Brunei dengan segala kelengkapan mereka di-darat, laut dan udara telah semakin hampir mencukupi segala keperluan2 penubuhan mereka yang optima dan pasokan2 ini berpengalaman pula dalam serba-serbi latihan dan penggunaan senjata. Sa-bahagian besar dari perbelanjaan ada-lah berthabit dengan bangunan2 dan pemasangan2. Perbelanjaan modal tahunan yang sa-demikian ini akan di-kurangkan sa-chara berturut2 dengan siap-nya kerja2 beana yang telah di-buat.

Kemajuan pesat dalam Jabatan Pelajaran di-tahun2 kebelakangan ini telah dapat di-kekalkan. Sekolah2 baru terus di-dirikan, sekolah2 yang sedia ada di-peribadikan lagi dan mutu2 pendidikan pula kian bertambah baik dengan sa-kembali-nya siswazah2 dan guru2 terlatih dari menamatkan kursus di-seberang laut. Bahawa pelajaran ada-lah satu penanaman modal di-masa depan bukan-lah merupakan satu chogan kata semata2. Usaha yang di-buat dengan penoh kesedaran sedang di-laksanakan untuk menjamin kanak2 hari ini akan di-persiapkan dengan bekal untuk menghadapi chabaran2 di-hari muka dan di-perlengkapi untuk membolehkan mereka membuat keputusan2 serta memikul tanggungjawab untuk kepentingan diri mereka sendiri. Desakan2 yang saling bertentangan di-antara hasrat untuk menghasilkan individu2 yang kuat serta tahan pukul dan hasrat untuk hidup dalam suasana masyarakat yang senang-linang dan selesa ada-lah kedua2-nya di-sadari dan di-harap akan dapat di-perseimbangkan.

Sekarang beralih kepada soal kemajuan, ranchangan masa ini pada mula-nya meramalkan satu perbelanjaan wang sa-banyak Br\$500 juta dalam jangka waktu lima tahun dari tahun 1975 hingga 1979. Jumlah wang ini telah berik-nya di-tambah menjadi Br\$700 juta dan kemudian-nya kepada Br\$760 juta. Taksiran semula yang akhir kali di-buat terhadap semua keperluan menghendaki supaya jumlah wang ini di-tambah lagi menjadi Br\$790 juta dan jumlah harga2 ranchangan yang telah di-ubah ini boleh di-perhatikan dalam belanjawan masa ini.

Peruntukan telah di-buat pada tahun lepas bagi perbelanjaan wang sa-banyak Br\$208.4 juta di-sepanjang tahun 1978 tetapi sekarang nampak-nya ada kemungkinan yang jumlah perbelanjaan bagi tahun ini menjadi sa-banyak Br\$108.8 juta. Perbelanjaan Wang Kemajuan bukan-lah merupakan satu perkara yang sudah menurut angka2 anggaran tahunan dengan tepat-nya; ini ia-lah kerana peruntukan kewangan mesti-lah di-buat bagi barang2 dan perkhidmatan yang telah

di-pesan dalam tahun yang berkenaan tetapi yang mana barang2 itu mungkin belum lagi di-kirimkan sa-hingga-lah di-tahun berik-nya. Dan juga tempoh menyiapkan bangunan lazim-nya di-anggarkan dengan penoh pasti yang kerja2 itu akan siap dalam tempoh tersebut, dan daripada menjadikan sebab-nya kerja2 mungkin terbelengkalai kelak sementara menunggu peruntukan kewangan-nya maka pegawai2 yang menganggarkan-nya itu perlu-lah memastikan yang peruntukan ada tersedia.

Jumlah keridit yang akan terdapat dalam Kumpulan Wang Kemajuan pada 31hb Disember 1978 sekarang di-anggarkan berjumlah Br\$160.5 juta dan satu sumbangan lagi kepada Kumpulan Wang tersebut sa-banyak Br\$100 juta akan di-buat di-tahun 1979. Perbelanjaan di-sepanjang tahun tersebut telah di-anggarkan sa-banyak Br\$183.6 juta yang mana harus meninggalkan baki dalam kumpulan wang tersebut pada 31hb Disember 1979 sa-banyak Br\$76.9 juta.

Butir2 mengenai dengan susunan perbelanjaan yang di-anggarkan di-sepanjang tahun 1979 ada terkandung dalam Anggaran2 Hasil dan Perbelanjaan yang di-bentangkan atas meja sa-bagai Kertas Bilangan 1 dalam persidangan ini. Dengan membuat rujukan kepada anggaran2 tersebut, Ahli2 Yang Berhormat akan dapat menyaksikan kemajuan yang telah tercapai dalam pelaksanaan Ranchangan Kemajuan Negara masa ini.

Ranchangan Kemajuan Negara yang meliputi tahun2 1975 hingga 1979 mempunyai matlamat utama-nya usaha mempernaka-jeniskan ekonomi negara melalui perkembangan sumber2 asli pertanian, kehutanan dan perikanan dengan sa-chara besar2an. Di-samping itu pula ada-lah di-harapkan akan dapat-lah di-tubuhkan satu perusahaan petro-chemical dalam bentuk sa-buah kilang Baja Ammonia/Urea. Meskipun Kerajaan akan memberi inisiatif tetapi sa-coket2-nya-lah perkembangan besar ini di-harap akan dapat di-laksanakan melalui sektor swasta.

Dalam hal demikian maka dua dari projek besar yang sedang di-pertimbangkan ia-itu kilang Baja Ammonia/Urea dan projek Kertas Pulpa perlu-lah di-tanggohkan. Dalam hal kilang Baja Ammonia/Urea banyak bekal gas asli yang di-perlukan kelak tidak dapat terjamin oleh kerana tanggungan yang di-buat dalam Perusahaan Gas Chechar Asli dan perkara ini akan di-ulangkaji dalam dua atau tiga tahun lagi. Hasil kewangan yang di-perolehi dari bahan gas yang di-gunakan bagi pencairan ada-lah lebih banyak daripada lain2 kegunaan maka dari itu tiada-lah terdapat apa2 rintangan dari segi kewangan dan sudah tentu-lah perkembangan mana2 perusahaan yang memerlukan minyak dan gas sa-bagai bahan utama-nya tidak akan merupakan usaha mempernaka-jeniskan ekonomi yang sa-benar.



YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan.

TERIMA KASEH KPD AHLI2 DEWAN YANG MENYOKONG USOL YAB. MENTERI BESAR

MENGULONG per-bahasan bagi pehak YAB Menteri Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan telah mengu-chapkan berbanyak2

terima kaseh dan peng-hargaan kepada semua ahli Dewan yang telah memberikan hujah atau pandangan yang baik pada menyokong usol dari YAB Menteri Besar itu.

Dalam kemanisan yang begitu lazat, kata

Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, ter-dapat juga quinin yang pahit walaupun quinin itu sa-bagai ubat, teta-pi pada badan yang se-hat ia boleh memba-hayakan.

YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya sa-terus-nya menjelaskan tentang keraguan sa-lah sa-orang ahli yang di-lantek mengenai permohonan tanah, ba-hawa perkara ini ter-paksa melalui berbagai proses dari beberapa buah jabatan yang ber-kenaan dan ini tentu-lah memakan masa, bagaimanapun perkara itu sedikit sa-banyak dapat di-usahkan.

Laporan
DARI
DEWAN
MAJLIS



KERAJAAN MEMANG MENITEK BERATKAN SOAL KESIHATAN

YANG Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman yang juga turut menyekutukan diri dalam menyokong usol Yang Amat Berhormat Menteri Besar, antara lain

telah menimbulkan usaha2 Kerajaan yang berkebaji-kan yang mana semua itu perlu mendapat sokongan supaya tujuan utama-nya dapat di-nekmati dengan sempurna.

YB Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria juga tidak ketinggalan untuk membangkitkan kemerde-kaan yang harus di-pikul oleh semua golongan yang cinta kepada bangsa dan negara dengan memetik kata2 sa-orang pemimpin agong dunia "Jangan tanya apa negara boleh buat un-tok kamu, tetapi tanya-lah diri kamu apa yang kamu boleh buat untuk negara".

Mengenai perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang di-timbulkan oleh sa-lah sa-orang ahli yang di-lantek, YB Dato Seri Laila Jasa menjelaskan, bahwa Kerajaan memang menitek-beratkan soal perkhidmatan ini dan sa-buah rumah sa-kit baru dan moden telah pun dalam peringkat pem-binaan.

Mengenai ibu2 yang hen-dak bersalin Yang Berhor-mat itu merasa kesal dan mensifatkan sa-bagai per-kara yang membimbang-kan, kerana kata-nya, ke-banyakan mereka yang hendak bersalin itu terle-beh dahulu menchari bi-dan2 kampong sa-belum perkara tersebut di-lapor-kan kepada bidan2 keraja-an.

Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Haji Zaka-ria seterusnya menasehat-kan kepada penduduk2 kampong supaya pergi ka-kelinik2 yang ada di-tempat masing2 untuk mendapat-kan rawatan.

Menjelaskan tegoran da-ri salah sa-orang ahli yang di-lantek yang menimbu-lkan kekurangan bekalan ayer di-Daerah Brunei dan Muara, Yang Berhormat itu berkata, Kerajaan se-dang memperbaiki keada-an tersebut dengan me-nambah bekalan ayer dari enam juta gelen kepada 16 juta gelen sa-hari terma-sok-lah juga bagi bekalan ayer di-Daerah Belait.

Jangan salah-gunakan tanggung-jawab yang telah di-amanahkan

SA-TIAP orang mempunyai tanggung-jawab yang telah di-amanahkan dan jangan-lah apa yang telah di-amanahkan itu di-salah-gunakan untuk tujuan2 kepentingan diri sendiri.


Demikian antara lain yang di-tekanan oleh YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri ketika mem-berikan hujah-nya dalam perbahasan usol dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya Dewan bersetuju dan meluluskan untuk menyebarkan ucapan menjunjung kaseh ka-hada-pan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-atas titah dan keberangkatan Baginda kepada Dewan tersebut.

YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja yang turut menyokong usol tersebut pada hari yang kedua Ma-jlis Mashuarat Negeri mengadakan sidang-nya men-sitaskan lawatan Ahli2 Yang Berhormat yang di-lantek untuk menemui ra-ayat ada-lah suatu tugas yang berkebajikan, kerana Ahli2 Yang Berhormat itu telah pun menyedari akan tanggung-jawab mereka, yang bersifat sa-bagai penghubung antara raayat dengan Kerajaan dan an-tara Kerajaan dengan ra-ayat yang di-sifatkan sa-bagai aur dengan tebing.

Menghujah mengenai kemerdekaan Yang Berhor-mat itu berkata bahawa da-lam tempoh lima tahun itu kita akan menghadapi ber-bagai2 chabaran yang mesti di-hadapi dengan ten-gang dan sabar kerana kita tidak mahu kemerde-kaan yang akan di-nekmati itu akan menimbulkan suat-u keadaan yang kurang menyenangkan dan sebab itu-lah dalam tempoh itu persediaan2 perlu di-buat mulai sekarang supaya pengertian kemerdekaan akan di-nekmati benar2 mene-pati ka-arrah membawa ke-makmoran kepada raayat.

YB Pehin telah juga turut memberi penjelasan mengenai perkataan tulin dalam kemerdekaan yang di-titahkan oleh Baginda yang antara lain maksud-nya ia-lah merdeka sejati yang tidak di-tiru2 atau di-sador dari mana2 jua pun.

Satu di-antara-nya, jelas YB Pehin Orang Kaya Amar Di-raja ia-lah masalah kedudukan ekonomi bumiputera. Menurut-nya pada masa ini kebanyakan



DARI kanan, YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri, YB Dato Seri Paduka Haji Talib, YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kol. Dato Seri Pahlawan Mohammad, YB Dato Paduka Dr. Haji Johar dan YB Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria.

bidang perniagaan di-monopoli oleh orang2 bukan bumiputera, tetapi dalam jangka masa ke-merdekaan ada-lah di-harap-kan bidang itu sekurang2-nya akan dapat di-amal oleh bumiputera.

Dalam menentoh perkataan tanggung-jawab yang tulus dan ikhlas yang dapat di-ertikan sa-bagai tanggung-jawab raayat terhadap raja-nya yang men-jadi asas istimewa orang2 Brunei yang telah menjadi waritah. Mulai dari sekarang juga kita harus mengimbangi tenaga2 luar supaya apabila tiba masa-nya tugas dan tang-gong-jawab sepele-nya akan dapat di-pikul oleh orang2 Brunei sendiri, dan ini-lah yang di-hasratkan dengan pengertian kemerdekaan tulin supaya sa-tiap peranan di-am-bil oleh semua orang2 Brunei dalam berbagai bidang dan jurusan.

YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja seterusnya menjelaskan mengenai pengambilan guru2 dari luar seperti yang telah di-bangkitkan oleh salah sa-orang ahli yang di-lantek, ba-hawa kita tidak mengira dari mana guru2 itu di-datangkan tetapi yang penting-nya ia-lah supaya anak2 kita pandai dan berpelajaran.

Usaha2 Kerajaan perlu sokongan

LAGI Ahli Rasmi Kerajaan yang turut menyekutukan dari menyokong usol YAB Menteri Besar ia-lah YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kol. Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud dengan menga-takan bahawa salah satu unsur penting yang harus di-usahkan ia-lah di-bidang pertahanan.

Kata-nya Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah Baginda telah pun menyatakan perkara pen-ting itu dan akan berusaha untuk mencapai matala-mat negara dalam tahun 1983 dalam mana kita akan mencapai kemerde-kaan dan mempertahankan negara.

Dan untuk menjayakan perkara itu, tambah Yang

Berhormat Pehin Seri De-wa ada-lah mengkehendaki beberapa faktor, yang an-tara-nya kita mesti-lah menyokong segala ran-changan yang sedang di-ator.

Kata YB Pehin Seri Dewa lagi, antara ran-changan2 yang sedang di-ator itu ada-lah amat besar yang akan di-pikul oleh negara kita dan kerana ranchangan itu besar kita juga memerlukan perbe-lanjaan yang besar.

Sejajar dengan itu pasokan pertahanan akan turut berkembang untuk meng-hadapi segala kemungkin-an ancaman. Untuk itu Yang Berhormat itu men-jelaskan bagi mencapai kejayaan-nya kita mesti-lah

mengharapkan sokongan raayat dan penduduk di-negeri ini.

YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa menerusi Dewan telah berseru supaya pe-muda2 di-negeri ini akan tampil untuk berkhidmat dalam Pasokan Askar Me-layu Diraja dan kepada penghulu2 serta ketua kam-pung supaya menggalak-kan anak2 buah mereka untuk berkhidmat dan membuat pilihan itu sa-chara sukarela.

"Dari segi pertahanan pasokan keselamatan kita di-lengkapi dengan alat2 moden. Kemahiran dan tenaga manusia ada-lah di-perlukan bagi mencapai maksud2 tersebut", jelas Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa.

LEGCO MEETING ENDS

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Legislative Council ended its sixteenth session last Monday after meeting a total of twelve days following its official opening by His Highness the Sultan on December 6.

During the meeting the Council unanimously approved the budget estimates for next year totalling more than \$1,048 million.

The sum included \$100 million for the Development Fund and over \$73.3

million for miscellaneous services.

The Council also passed a separate resolution to apply a sum of \$183.6 million from the Development Fund for various departments and services.

In addition it passed three other bills namely the Miscellaneous Licences Enactment 1978; the Misuse of Drugs Enactment, 1978; and the Road Traffic (Amendment) Enactment, 1978.

The Miscellaneous Licences Enactment was tabled by the State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

The object of the Bill is to control and regulate certain types of business and commercial activities in the State to ensure their orderly development.

It covers coffee shops, eating houses, boarding houses, lodging houses, public resorts and enter-

tainment centres, hawkers; motor vehicle dealers; petrol stations including places for storing petrol and inflammable materials; retail shops; timber store and furniture factories, and workshops.

It provides, among other things, that no person shall open or keep open any place, or conduct any trade, business or occupation except under a licence.

Anyone committing or attempting to commit an offence under the Enactment is upon conviction liable to a fine not exceeding five thousand dollars.

The Misuse of Drugs Enactment was tabled by the Acting Director of Medical and Health Services, Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin.

The Bill replaces the Dangerous Drugs Enactment, 1956 with more up-to-date and extensive provisions for the regulation and control of dangerous and harmful drugs, referred to as controlled drugs in the Bill.

It confers on police and customs officers powers of search and seizure, and powers of arrest.

Penalties for all offences under the Bill have also been greatly increased with whipping thrown in on the more serious cases in addition to a fine and imprisonment term.

For example, an unauthorised traffic in of a controlled drug to persons below eighteen years of age can get the offender on conviction a thirty years jail term or a fine of \$50,000 or both and fifteen strokes.

The same punishment awaits a person who commits an unauthorised manufacture of a controlled drug.

The Road Traffic (Amendment) Enactment was introduced by Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lieutenant Colonel Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud.

It amends certain provisions of the Road Traffic Enactment, 1954 thus giving the courts more powers to impose higher fines and suspend traffic offenders from driving for certain period.



Mr. Watson presenting a trophy to one of the winners.

Red Cross celebrate birthdays

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Red Cross Society last week celebrated its 30th anniversary and the 150th anniversary of the birth of Henry Dunant, the founder of the International Red Cross movement.

The celebration climaxed with a parade held at the padang here where the British High Commissioner, Mr. Arthur Watson, who is also the President of the Society, took the salute and inspected a guard of honour consisting of members of the Red Cross from the Brunei Muara, Tutong, Belait and Temburong districts, and the Red Crescent

from Labuan and Miri. The celebration later moved to the nearby Youth Centre where Mr. Watson presented service medals and red cross bars to nine officials and members of the Brunei Muara District Red Cross.

He also presented prizes to the winners of fancy dress and singing competitions, and the first aid and nursing competitions which were held the previous day as part of the celebration.

The Brunei Muara District Red Cross and the Miri Crescent were first in the first aid and nursing competitions respectively.

Present port passes valid only till December 31

MUARA. — All persons in possession of the present series of port security passes are requested to return them to the Ports Department, the Port Police Station or any Police Station by January 7.

The Controller of Ports, Mr. Anthony Chin, in a circular said the present series of passes will no longer be valid for use after December 31.

Mr. Chin said starting from January 1, a new series of passes will be introduced.

He said the new passes will be simplified and have two zones of access — zone A and zone B only — in place of the former six zones A, B, C, D, E and F.

Zone A will be for the wharf, all open storage areas in the Port and the Port canteen.

Zone B will be for all areas covered by zone A plus the Transit Warehouse, Bonded Warehouse and the Cold Stores.

Mr. Chin said for security reasons no permanent passes will be issued except to the few Government employees permanently stationed at the Port.

Anyone with legitimate reasons for entering the Port may obtain a temporary pass at the Port Gatehouse on presentation of an identity card, passport or other proof of identity.

Merit prizes

SERIA. — More than sixty students from thirty-one secondary schools in the State last Wednesday received their merit prizes from the Brunei Shell Petroleum Company.

The prizes were presented to them by the Belait District Officer, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohammad Jaafar at a ceremony held at the Shell Recreation Club here.

Prior to the presentation ceremony, the students were taken on a tour of the Company's Technical Training Centre and Geological Laboratory.

They were among some four hundred students from primary and secondary schools throughout the State, who had been selected to receive the prizes this year.

Brunei has strong economy and political stability

The following is the first part of the budget speech by the State Financial Officer, Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee at the 16th session of the Legislative Council.

I rise to move the second reading of the Bill standing in my name entitled "An Enactment to apply a sum out of the Consolidated Fund for the service of the year 1979 and to apply the said sum for certain purposes." In so doing I should like to take the opportunity to review events of the past year which have had a financial impact in Brunei, to inform Honourable members of the present financial position and to forecast what it is likely to be at the end of 1979.

The present year has been notable for the slow economic recovery of the developed countries of the world, wrestling as they are in different ways with the problems of inflation, trade balance and fluctuating exchange rates. Without the impetus which such resurgence would promote the developing countries are facing greater trade and budget deficits, aggravated by decreased amounts of foreign aid and policies of protectionism against their primary products. In addition to the economic difficulties the political unrest in Africa, the Middle and Near East and parts of the Far East has been a further deterrent to the orderly economic growth desired by all countries.

In such a troubled world, we in Brunei have been fortunate in being able to take advantage of our sound and favourable economy and to proceed with the implementation of past plans and the study of new ones leading to improved and enhanced Government services, against a stable political background. The blending of centuries old traditions with the demands and needs of a modern society is being successfully carried out.

Oil and gas have continued to dominate the economy. The arrangements which were in hand last year under which the Government was to participate in the Company responsible for the local marketing of the refined products of the industry were finalised early in the year. As a result the Government now participates in all facets of the oil and gas industry in Brunei and shares in the taking of decisions at Board level. The arrangements work well mainly because the partnership is closely-knit and there is a common will to solve the problems which arise on both sides.

Production averaged around 230,000 barrels a day in 1978

and this is likely to be maintained during 1979. Oil and gas sales are based on the US dollar and although fluctuations in that currency affect the Brunei revenues, it is anticipated that in 1979 further increase in prices will be obtained and revenue from this source in Brunei dollar terms will be at a similar level to that of the present year.

Brunei enjoys a large balance of trade surplus arising from the exports of oil and gas and the prevailing high prices for such forms of energy. During the first six months of 1978 total exports amounted to Br\$2,060 million whereas imports for the same period totalled Br\$301 million. Inevitably statistics of trade and economic growth mainly reflect the position regarding oil and gas and it is interesting to note that a different project would need to generate products worth Br\$30 million per annum to make a difference of one percent in the Gross Domestic Product.

Fluctuations in the exchange rates of the major currencies in the world have continued to cause concern. Through the medium of the Investment Advisory Board however the country's overseas reserves have been so diversified that the impact of changes in rates has been minimised. As a long-term view can be taken of holdings, sudden dramatic but often short-lived changes affect the book values rather than the real values of the investment.

The Brunei currency, overwhelmingly backed by the country's overseas reserves, has continued to be strong and stable. Its parity in terms of gold has remained unchanged and the interchangeability arrangement with Singapore has continued to be of value to travellers and traders. The amount in circulation is approximately Br\$98 million. A gold coin of proof quality with a face value of Br\$1000 was issued on 1 August 1978 in commemoration of the coronation ten years earlier of His Highness the Sultan and Yang DiPertuan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah and was eagerly sought by collectors.

The Government has continued to subsidise public utilities and services. In addition gasoline, diesel fuel and kerosene are sold to the public through service stations at subsidised prices and rice is im-

ported by the Government and sold to retailers at a fixed price. Through the Price Control Enactment a continuous surveillance of the prices of essential commodities is maintained. By these means and by continuing to keep Government spending within the parameters determined by the intention to develop the State for the financial and economic good of all, it has been possible to keep inflation within acceptable limits.

The Television Loan Scheme was continued throughout the year and has enabled the majority of families to own their own Television receivers. Loans totalling approximately Br\$21 million have been made. In addition the provision and maintenance by the Government of sets in selected kampongs has ensured that the programmes are available to all.

The high standard of operation by Royal Brunei Airlines has been maintained and the number of passengers being carried on the routes served by the Airline is increasing. There has been a growth in the freight business and to meet the increased demand a new aircraft has been ordered. This is of a similar type to those already in service but has the advantage of being quickly convertible from a passenger-carrying role to that of freight-carrying either in whole or part. It will thus be possible to meet the need for greater capacity in either form.

Through Royal Brunei Airlines the Government has a substantial shareholding in the Company which was formed to undertake the in-flight catering for Royal Brunei and other Airlines and also the operation of the Airport restaurant and cafeteria. The Company is proving to be successful both financially and in providing a high standard of service. It intends to extend its operations to meet other catering needs in the State.

The Government, through the Economic Development Board is continuing to make soft loans available to citizens to set up small scale industries where there would be difficulty in obtaining finance through normal channels. The Board also investigates and encourages the establishment of new larger industries through the implementation of the Investment Incentives Enactment.

MEMANG-LAH tidak dapat di-sangkal lagi, manakala saja kita berhajatkan sesuatu, maka kita akan menampakkan sa-ribu kemanisan yang penuh dengan pengharapan dan minta di-balas-kasehani. Akan keluar-lah bermacam2 chara kepintaran untuk menarek minat orang2 yang mendengar kelohan dan rintihan tersebut. Manakala saja kita terdengar rintihan tersebut, tentu-nya kita tidak akan sampai hati membiarkan-nya terlunta-lunta meminta di-balas-kasehani, sebab kita hidup ini berdasarkan hidup bermasyarakat yang saling tolong menolong dan bantu-membantu antara satu dengan yang lain.

Kalau-lah orang yang sangat2 mengharapkan sesuatu daripada kita itu ada-lah orang yang benar2 memerlukan-nya dan tahu pula berterima kasih, berpada-pada dan tong-nya kita. Tentu-nya dia akan mengenang dan seterusnya bersyukur kerana ada yang sudi menghulorkan bantuan. Tetapi alang-kah malang-nya kalau yang menerima tadi bersikap tidak berpada-pada dan seterusnya lupa daratan sa-telah ia memperolehi sesuatu yang baik lagi. Ia bersikap demikian kerana ia menganggap yang ia-nya tidak akan kembali seperti dulu-nya. Pendapat-nya itu ada-lah salah, sebab kita hidup ini berputar dan beredar. Sekali kita naik ka-atas dan sekali pula kita akan turun ka-bawah.

Sepatut-nya kita mesti-lah mengenang sa-seorang yang telah pernah menaborkan jasa-nya pada diri kita. Jangan hanya chuma ingatkan-nya ketika kita di-dalam kesempitan dan kepayahan. Tapi ada-lah untuk di-kenang dalam masa kedua2-nya, senang dan susah. Ingat-lah bahawa senang itu

tidak akan chukop datang sekali saja, begitu juga dengan kesusahan dan kepayahan, ia akan sering mengunjongi kita. Hanya ter-pulang-lah pada diri kita untuk melakukan usaha dan ikhtiar untuk menghadapi dan mengatasi-nya.

Dalam hal ini, kita ambil satu contoh yang paling mudah untuk menung dan titek pengajaran kita. Sa-bagai misalan, apabila sa-seorang itu di-timpa oleh sesuatu yang tidak di-ingini-nya, seperti sakit tenat. Pada ketika itu-lah akan lahir sesuatu penyesalan dan keinsafan yang penuh dengan pengharapan. Tentu-nya ia akan mahu segera sembuh dari penyakit-nya tadi. Juga tidak ketinggalan keluar dari bibir-nya, niat2 yang suci bekal di-lakukan-nya sa-telah ia sembuh kelak. Tetapi alang-kah malang-nya, kata hanya tinggal kata saja, dan niat hanya tinggal

ORANG2 YANG TIDAK TAHU BERSHUKOR MUDAH LUPA DARATAN

Bingkisan minggu ini

niat saja. Segala apa yang di-hasratkan-nya sa-masa di-dalam kesengsaraan itu chuma mengalun di-bibir saja, bagaikan 'melepaskan batok di-tangga saja.' Sa-telah keadaan pulih seperti sedia kala, maka ia akan segera kapada asal-nya juga, sa-olah2 tiada apa2 yang pernah berlaku ka-atas diri-nya.

Allah s.w.t. telah berfirman di-dalam Surah Yunus potongan ayat 12 yang bermaksud kira2: "Dan kalau manusia itu di-timpa bahaya, dia mendo'a kapada kami, di-waktu baring, di-waktu du-

dok, atau waktu berdiri. Tetapi sa-telah kami hilangkan bahaya itu daripada-nya, dia berjalan sa-olah2 tidak pernah mendo'a kapada kami atas bahaya yang telah menyinggong-nya."

Demikian-lah gambaran orang2 yang chuma mampu memperkatakan dan meniatkan sesuatu ketika berada di-dalam kesengsaraan, tapi akan lupa segala-nya sa-telah mendapat kesenangan. Ini-lah sikap orang2 yang tidak tahu bershukor, berterima kasih dan bersikap som-bong hinggalah lupa daratan.

MEMELOK UGAMA ISLAM



ACCOY anak Doang, 21 tahun, berasal dari Kuching, Sarawak, kini dikenali sa-bagai Md Iswadi bin Abdullah sa-telah memelok Uagama Islam dalam satu majlis pengIslamman yang berlangsung di-rumah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila

(Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Matserudin, di-Kampung Kianggeh, Bandar Seri Begawan pada 15hb Disember. Gambar menunjukkan Md Iswadi melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Dato Haji Ismail (Gambar JHEU).

SAMBUTAN AWAL MUHARRAM

SAMBUTAN Awal Muharram tahun 1399 Hijrah bagi Daerah Temburong telah di-langsungkan pada 9hb Disember lepas di-Dewan Sekolah Melayu Amo.

Sementara pada 8hb Disember sambutan yang sama juga telah di-adakan di-Daerah Tutong bertempat di-S.M. Sinaut. Majlis perasmian-nya telah di-sempurnakan oleh Pegawai Daerah Tutong Dato Paduka Haji Yahya bin Haji Harris. Manakala sharahan khas pula telah di-sampaikan oleh Awg Haji Abdul Aziz bin Juned, Pegawai Uagama Kanan, Brunei.

Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awg Abdul Aziz bin Mohammad telah merasmikan majlis tersebut. Antara acara2 yang di-adakan ia-lah persembahan2 nashid, zikir dan sharahan khas yang telah disampaikan oleh Dy Aishah bte Mohd Yusof. Manakala acara kemunchak-nya pula ia-lah peraduan kuiz bagi saudara2 baru.

Majlis itu di-akhiri dengan upacara penyampaian hadiah kapada pemenang2 dalam peraduan kuiz tersebut oleh Yang Berhormat Pehin Dato Laila Raja Haji Abu Bakar bin Baha.



KELIHATAN gambar di-atas dari kiri; Dato Paduka Awang Haji Yahya bin Haji Harris, Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Abdul Aziz Juned, Pegawai Uagama Kanan, Dato Hulubalang Awang Haji Abdul Wahab bin OKSN Haji Safar, dan tetamu khas yang turut menghadiri Sambutan Awal Muharram Daerah Tutong yang telah di-langsungkan di-S.M. Sinaut. Manakala gambar sa-belah acara peraduan kuiz bagi saudara2 baru yang mengambil bahagian dalam sambutan yang sama di-Daerah Temburong. (Gambar JHEU).

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 27hb Disember, 1978 hingga ka-hari Selasa 2hb Januari, 1979 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzuhoor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
27hb Dis.		12.28	3.47	6.24	7.39	4.54	5.09 6.27
28hb Dis.		12.28	3.47	6.24	7.39	4.54	5.09 6.27
29hb Dis.		12.28	3.47	6.24	7.39	4.54	5.09 6.27
30hb Dis.		12.28	3.47	6.24	7.39	4.54	5.09 6.27
31hb Dis.		12.28	3.47	6.24	7.39	4.54	5.09 6.27
1hb Jan.		12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12 6.29
2hb Jan.		12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12 6.29

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



KELUARGA DIRAJA BRUNEI MENJADI TETAMU KERAJAAN ARAB SAUDI

DALAM musim haji yang baru lalu, sa-rombongan sa-ramai 15 orang keluarga Diraja Brunei ada-lah di-antara jemaah2 haji Brunei yang telah pun sempurna mengerjakan ibadah haji — rukun Islam yang kelima itu.

Rombongan Diraja itu di-ketuai oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah Al-Haj yang telah berangkat ka-tanah suci Mekah pada 12hb Oktober dan selamat pulang ka-tanah ayer pada 24hb Nobember yang lalu.

Di-sepanjang berada di-tanah suci Mekah, keluarga Diraja itu bukan sahaja dapat menyempurnakan kerja2 ibadah haji, tetapi juga telah melalui beberapa kenangan yang tidak dapat di-lupakan termasuk lawatan2 ka-tempat2 yang bersejarah.

Satu di-antara kenangan abadi bagi rombongan Diraja itu ia-lah penghormatan yang begitu tinggi nilainya yang telah di-berikan oleh Kerajaan Arab Saudi terhadap Yang Teramat




YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain (berdiri no. dua dari kanan) bergambar bersama dengan jemaah perempuan ketika berada di-Padang Arafah.



BERGAMBAR ramai ketika rombongan Diraja berada di-Jabal Rahmah, Arafah. **YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah Al-Haj** kelihatan nombor 2 dari kanan dan di-kanan sekali ia-lah **YAM Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar**, dan **YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain** kelihatan nombor 3 dari kanan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah Al-Haj (berdiri no. lima dari kiri) bergambar ramai bersama jemaah ketika berada di-Padang Arafah. Di-kanan Yang Teramat Mulia itu ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Mohd Yussof Al-Haj.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah Al-Haj (duduk paling kiri) bersama pemimpin2 negara Islam yang turut menunaikan ibadah haji ketika di-raikan oleh Putera Mahkota Fahad di-majlis santap malam di-Istana Batha, Mekah. Dudok paling kanan ia-lah Raja Fahad; Jeneral Zia-ul-Haq, Pemimpin Negara Pakistan; Raja Abdullah yang merupakan orang ketiga yang berada dalam susunan kerabat Diraja Saudi; Al-Rashid Al-Tahir, Naib Presiden Negara Sudan dan sa-orang lagi pembesar dari negara Islam di-Afrika yang turut di-raikan.

Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah Al-Haj dan kekandanya, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain dan rombongan yang merupakan sa-bagai tetamu kepada Kerajaan Arab Saudi sepanjang menunaikan ibadah haji itu.

Yang Teramat Mulia dan rombongan menerima lavanan Diraja dan telah di-junjung ka-satu majlis santap malam yang di-berikan oleh Putera Mahkota Fahad ia-itu Pemangku Raja Arab Saudi dan telah di-hadhiri sama oleh pemimpin2 dari negara2 Islam yang sama2 menunaikan fardhu haji itu. Majlis santap malam itu telah di-adakan di-Istana Batha, Mekah.

Kesempatan juga di-bukakan kepada Yang Teramat Mulia itu untuk mengadap Putera Mahkota Fahad, dan pada 17hb Nobember, 1978 ada-lah satu sejarah hidup yang paling tinggi nilai-nya bagi Yang Teramat Mulia apabila di-junjung untuk sama2 ikut membersekan Ka'abah atau yang biasa di-sebut di-sini sa-bagai 'Menyapu Ka'abah'. Ini-lah satu penghormatan yang hanya di-berikan kepada putera2 raja dan pemimpin2 besar dari negara2 Islam.

Semasa berada di-tanah suci Mekah, Yang Teramat Mulia pula membuka peluang kepada jemaah2 haji Brunei yang berkeinginan mengadapnya dan berbual2 mesra de-

ngan mereka. Di-Mekah, Yang Teramat Mulia itu menginap di-Hotel Intercontinental dan ramai jemaah2 haji Brunei telah mengadap keluarga Diraja itu yang antara-nya termasuk-lah YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan rombongan. Ketika Yang Teramat Mulia dan rombongan berada di-Medinah, beberapa orang jemaah haji Brunei telah berkesempatan mengadap dan menjunjung ziarah terhadap Yang Teramat Mulia itu di-Hotel Al-Haram, ia-itu tempat penginapan yang disediakan oleh Kerajaan Arab Saudi kepada rombongan Diraja itu.

Yang Teramat Mulia sen-

Amin.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah Al-Haj (duduk No. 2 dari kanan) ketika menerima mengadap jemaah2 haji kita di-Hotel Al-Haram, Medinah.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah Al-Haj (No. 3 dari kanan) bergambar bersama Pegawai Protokol Diraja Arab Saudi (No. 2 dari kanan), **YAM Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar** Pengiran Anak Mohd. Yussof Al-Haj (paling kiri) dan Malai Haji Ahmad Murad bin Malai Haji Mashor (di-sa-belah kanan YTM).

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 27HB. DIS.

- PETANG**
- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 BACHAAN AYAT2 SUCHI AL-KORAN
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 STAR TREK — "A Taste of Armageddon" — Bersama dengan Captain Kirk dan USS Enterprise untuk pengembaraan yang lain di-angkasa lepas.
- 6.24 AZAN MAGHRIB
- 6.28 STAR TREK — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- MALAM**
- 7.10 THE PAPER CHASE — "A Day In The Life Of"
- 7.39 AZAN ISHA
- 7.43 THE PAPER CHASE — sambongan
- 8.00 BEWITCHED — "A Majority of Two" — Semasa ketiadaan Darrin, Larry Tate menyuruh Samantha melayani sa-orang pedagang Jepun.
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 9.00 SHOW OF THE WEEK — "The George Burns Special" — Pertunjukkan satu jam ini di-penohi dengan nyanyian, tarian dan gelak ketawa. Bersama George Burns dalam pertunjukkan ini ia-lah Bintang Undangan-nya Madeleine Kahn, Walter Matthau dan The Osmond Brothers.
- 9.50 GUSTI
- 10.50 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 28HB. DIS.

- PETANG**
- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 BACHAAN AYAT2 SUCHI AL-KORAN
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 VALLEY OF THE DINOSAURS — "S.O.S."
- 6.24 AZAN MAGHRIB
- 6.28 WR WHO — "The Sontaran Experiment" — Bahagian Kedua.
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- MALAM**
- 7.10 HOW THE WEST WAS WON — Menyambong kisah keluarga Macahan dan mengenai dengan pengembaraan2 mereka di-Wild West.
- 7.39 AZAN ISHA

- 7.43 HOW THE WEST WAS WON — sambongan
- 8.00 HIDAYAT
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 9.00 DOKUMENTARI MELAYU — AUDUBON WILDLIFE THEATRE — "Nature's Way"
- 9.30 TAYANGAN GAMBAR MELAYU
- 11.30 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 29HB. DIS.

- PETANG**
- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 BACHAAN AYAT2 SUCHI AL-KORAN
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 AL-KESAH
- 5.45 CLOPPA CASTLE
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
- 6.24 AZAN MAGHRIB
- 6.28 SAYANG ADEK-KU SAYANG — sambongan
- 6.30 C.B.BEARS
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- MALAM**
- 7.10 TELEMATCH
- 7.39 AZAN ISHA
- 7.43 TELEMATCH — sambongan
- 8.00 DICK EMERY
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
- 9.30 QUINCY
- 10.20 NIGHT GALLERY — "Green Fingers"
- 11.10 SIARAN TAMAT.

SABTU - 30HB. DIS.

- PETANG**
- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 BACHAAN AYAT2 SUCHI AL-KORAN
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 THE LOST ISLAND — "The Great Horserace"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET
- 6.24 AZAN MAGHRIB
- 6.28 SESAME STREET — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 DOCTORS' HOSPITAL — "Sleepless With Pale Eyes" — Dr Goodwin mengingatkan teman sekerja-nya Dr Felipe Ortega, mengenai Sybil, sa-orang pesakit yang di-kenali dengan kesah-nya yang selalu chuba memikat doktor2.
- 7.39 AZAN ISHA
- 7.43 DOCTORS' HOSPITAL — sambongan
- 8.00 GURAU SENDA
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 STARKY AND HUTCH
- 9.35 PREMIER SOCCER
- 10.25 TAYANGAN MALAM SABTU — "Good Times" — Muzikal komidi ini di-bintangi oleh Sonny dan Cher, sa-pasang penyanyi dari Amerika.
- 11.55 SIARAN TAMAT.

AHAD - 31HB. DIS.

- PETANG**
- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 BACHAAN AYAT2 SUCHI AL-KORAN
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 CHOMAT DAN CHOMEL — "Masa dan Jam"
- 5.45 DAISY DAISY
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 ATOM ANT — "Rock-A-Bye-Boo-Boo"
- 6.24 AZAN MAGHRIB
- 6.28 ATOM ANT — sambongan
- 6.30 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY — "Two of a Kind".
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- MALAM**
- 7.10 PROJECT U.F.O.
- 7.39 AZAN ISHA
- 7.43 PROJECT U.F.O. — sambongan
- 8.00 THE ROLF HARRIS SHOW
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 THE IUDY BAILEY JAZZ QUARTET
- 9.15 DRAMA: RED LETTER DAY — "Misfit"
- 10.05 THE COLLABORATORS — "A Little Something For Old Age" — Satu pekerjaan yang jujur menjadi sungguh menggerunkan bagi bekas banduan Eddie Macalvenny apabila sa-orang mangsa yang tidak bersalah terbunuh.
- 11.00 MENJELANG '79
- 1.15 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 1HB. JAN.

- PETANG**
- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 BACHAAN AYAT2 SUCHI AL-KORAN
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 TREASURE ISLAND — Bahagian ketiga
- 6.27 AZAN MAGHRIB
- 6.31 TREASURE ISLAND — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- MALAM**
- 7.10 LOU GRANT — "Airliner" — Sa-buah jumbo jet berada dalam kesulitan di-angkasa Los Angeles dan liputan cerita Lou memberikan ma'aluman yang menyusahkan anak gadis Charlie Hume berada di-dalam kapal-terbang.
- 7.40 AZAN ISHA
- 7.44 LOU GRANT — sambongan
- 8.00 SKILFUL SOCCER



DR Jake Goodwin mengingatkan teman sekerja-nya Dr Felipe Ortega, mengenai Sybil, sa-orang pesakit yang di-kenali dengan kesah-nya yang selalu chuba memikat doktor2. Walaupun ia di-nasehati oleh Goodwin dan Dr Purcell, Ortega tetap tertarek hati pada Sybil.

Satu wabak penyakit ruam kanak2 damit, ada kala-nya mendatangkan maut, merebak di-hospital; dan suami kepada sa-orang wanita Vietnam mengeluarkan isteri-nya dari hospital, sa-lepas mereka gagal dalam satu chubaan awal untuk menentukan jenis penyakit pengsan-nya yang begitu ganjil.

Gambar atas: Satu pemandangan dari "Sleepless With Pale Eyes" dalam episod DOCTORS' HOSPITAL minggu ini, Sabtu 30hb Disember jam 7.10 malam.

- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 SERIKANDI MENJELANG '79
- 9.30 HAWAII FIVE-O — "Right Grave, Wrong Body" — Kejadian2 rompak setor2 minuman keras dan tembakan2 dengan menghairankan sekali di-hubungkan dengan rompak bank lima tahun yang lalu di-mana wang yang di-rompak mahu pun pencuri itu tidak dapat di-jumpai.
- 10.20 WINGS — "New Deal"
- 11.10 SIARAN TAMAT.

SELASA - 2HB. JAN.

- PETANG**
- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 BACHAAN AYAT2 SUCHI AL-KORAN
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET
- 6.27 AZAN MAGHRIB
- 6.31 SESAME STREET — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- MALAM**
- 7.10 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES
- 7.40 AZAN ISHA
- 7.44 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES — sambongan
- 8.00 SERIKANDI
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 9.00 ARENA SOKAN
- 9.40 THE PROFESSIONALS — "Look After Annie"
- 10.30 DOKUMENTARI: WORLD OF SURVIVAL — "The Passing of Leviathan"
- 11.20 SIARAN TAMAT.



JACK Charlton yang terkenal, mengajar anak2 muda mengenai kemahiran2 dalam bola-sepak yang Awda akan dapat ikuti dalam sa-buah siri baru yang bertajuk "Skilful Soccer". Ranchangan ini akan di-tayangkan pada hari Isnin jam 8.00 malam.

SEGALA2-NYA YANG AWDA INGIN KETAHUI MENGENAI

BAGI awda yang pernah mengikut Perkhidmatan Stereo FM, dari RTB, tentu akan membandingkan dengan Pemancaran2 Gelombang Sederhana kami. Mungkin sekali ramai dari awda sekalian akan mengeluarkan pendapat2 ka-atas tambahan bunyi2an dan realisma siaran2 stereo yang baharu, dan barangkali awda dengan tidak begitu bersemangat akan mengulas terhadap kenaikan harga2 alat2 penerimaan stereo dan dua alat pembesar suara yang dikehendak2 bagi pemasangan selama beberapa tahun. Pada masa ini dan bunyi2 stereo bukan lah perkara baharu di-Brunei. Tetapi, bunyi stereo ia-lah satu perkara yang merumitkan dan renchana ini akan choba menerangkan-nya di-dalam bahasa yang bukan dari segi teknikal.

Mula2, apa yang kita maksudkan dengan stereo? Ada-lah di-ketahui bahawa dengan menutupkan sa-belah mata sahaja, pemandangan yang kita lihat ada-lah menjadi rata tanpa sebarang tambahan2, dan ada-lah susah untuk menilai jarak2 sesuatu. Seperti yang awda sekalian ketahui

bahawa kita terpaksa menggunakan kedua2 belah mata kita untuk menggunakan-nya dengan berkesan. Dengan alat pendengar suara mono, bunyi-nya juga kekurangan tekanan, jadi-nya untuk menghasilkan bunyi2an pentas dua alat pembesar suara ada-lah di-kehendak2. Tetapi bukan itu sahaja yang awda perlukan, kerana jika awda masukkan bunyi2an yang sama di-dalam tiap2 alat pembesar suara tersebut, bunyi-nya akan jelas seperti bunyi2an yang keluar dari pertengahan pentas tersebut dan awda tentu akan membazirkan banyak wang dengan tidak menggunakan satu alat pembesar suara di-dalam keadaan sedemikian. Jadi isyarat kepada alat pembesar suara mesti-lah berlainan sedikit, sama seperti tiap2 satu telinga menangkap bunyi2an yang berlainan dari punca yang sama. Jadi bunyi2an yang berasingan dari tiap2 satu dari dua alat pembesar suara kami dari saloran kiri dan kanan, sudah tentu mengeluarkan bunyi2an dari pentas bunyi2an yang asal. Sa-bagai misal, jika sekira-nya awda menyiarkan satu

kumpulan pop dalam stereo, bunyi2an yang datang-nya dari pemain gitar lead yang duduk di-sebelah kiri, barangkali akan keluar dari alat pembesar suara di-sebelah kiri, dan bunyi2an yang datang-nya dari pemain gitar bass yang duduk di-sebelah kanan, datang-nya dari alat pembesar suara sebelah kanan, dan barangkali dengan penyanyi-nya di-tengah2. Ini bererti bahawa dua jenis alat perkakas ini ada-lah di-kehendak2, tiap2 satu bagi tiap2 saloran, yang mana sebelum-nya hanya satu sahaja di-kehendak2. Jika awda mengadakan lawatan ka-Studio continuity stereo yang nampak-nya sama seperti alat2 stereo yang ada di-rumah awda sekalian, hanya yang berbeza ia-lah bunyi2an yang di-keluarkan mesti-lah mempunyai kualiti2, kerana alat2 yang di-gunakan oleh RTB, kebanyakan-nya ada-lah lebih sophisticated, mudah di-bentuk dan sudah tentu-nya berharga.

RANCHANGAN2 STEREO TERBITAN TEMPATAN

Bagaimana pula dengan ranchangan2 stereo yang di-terbitkan di-sini, di-Brunei? Pendengar2 Perkhidmatan Stereo Melayu tentu-nya menyedari terhadap keluasan dan realisma siaran2 hari Jumaat yang di-siarkan dari Masjid Omar Ali Saifuddin, di-Bandar Seri Begawan, yang mana teknik2 stereo ada-lah di-gunakan. Tetapi malang-nya, alat2 stereo yang baharu akan terpaksa di-pasangkan, sa-belum ranchangan2 tempatan yang lain dapat di-siarkan melalui sistem stereo, seperti drama, musik2 tempatan, atau siaran2 luar. Untuk menunjukkan apa yang di-maksudkan, mari-lah kita perhatikan sa-buah kumpulan pop kita. Katakan-lah bahawa kumpulan itu di-anggotai oleh 3 orang pemain gitar, sa-orang pemain drum dan sa-orang penyanyi.

Untuk menerbitkan-nya dengan menggunakan stereo, empat mikropon ada-lah di-kehendak2. Bunyi2an dari mikropon2 ini terpaksa di-asingkan atau di-"panned" (seperti yang kami panggilkan) oleh Juruteknik di-Stereo Mixer dan memasokkan sama ada ka-saloran kiri atau

kanan mengikut kedudukan susunan kumpulan itu, supaya awda dapat mendengar bunyi2an yang sama seperti di-studio ketika awda berada di-bilik2 rehat awda.

DRAMA STEREO


Kebaikan2 stereo dapat di-perlihatkan dengan lebih baik lagi dalam penerbitan2 drama, yang mana dengan keadaan yang sedia ada, mereka menggunakan pergerakan, ruang2 dan hasil2 bunyi2an yang mudah melibatkan diri dalam penerbitan yang mana, sa-bagai misal, sa-orang yang kelihatan masuk ka-pintu di-sebelah kiri menuangkan minuman kopi, dan bukan-nya membuatkan semua sekali pekerjaan di-tapak yang sama seperti yang ada terdapat dengan penggunaan mono. Di-dalam misal ini, alat2 stereo boleh-lah menambahkan kepada realisma dan mengatasi sebarang sekatan ruangan studio dengan juruteknik itu mengambil bunyi2an tiap2 jejak langkah dari satu alat pembesar suara yang di-tetapkan, dan memutar-nya dari saloran kanan ka-kiri kami untuk menghasilkan kesan pergerakan. Awda tentu dapat menggambarkan bahawa lebih banyak lagi persediaan di-dalam penulisan skrip2 dan di-dalam latehan2 ada-lah di-perlukan demi untuk menerbitkan pertunjukan2 sedemikian di-dalam stereo dari yang ada terdapat di-dalam mono, tetapi keputusan-nya ada-lah amat berfaedah. Jadi jika sekira-nya kita mempunyai alat perkakas stereo yang membolehkan kita untuk mengeluarkan gambaran bunyi2an yang realistik di-Brunei, ranchangan2 tempatan kita akan dapat di-bandingkan dari segi teknikal, dengan ranchangan2 yang di-rakamkan terlebih dahulu seperti BBC 45 Minute Theatre yang telah pun kami siarkan di-dalam Perkhidmatan Inggeris kami.

PENERIMAAN STEREO

Penerbitan isyarat stereo bagi tujuan2 siaran tidak berakhir di-sini sahaja. Di-saat2 permulaan ketika ujian2 percubaan pemancaran stereo di-adakan, ujian2 tersebut telah di-lakukan dengan menempatkan isyarat2 dari saloran kiri dan kanan pada dua frekuensi yang berasingan. Ini bukan sahaja memberi erti baha-

STEREO Moden — the "multiplex" dua buah alat pembesar suara. Signal ini kemudian-nya di-signal berasingan bagi sa-tiap

wa dengan mempunyai dua deret alat perkakas penyiaran studio dua penyambung2 radio untuk mengalirkan kepada dua alat pemancar yang berasingan, tetapi pendengar stereo juga terpaksa mempunyai dua alat2 penerimaan yang berasingan. Kini, dengan ch penggunaan satu teknikal yang di-namakan "multiplexing" kedua2 isyarat tersebut ada-lah satuatan di-studio dan di-hantar kepada alat pemancar hanya dengan satu alat penyambung radio. Dalam keadaan begini-lah, sa-ba satu isyarat tunggal, stereo ini serang di-pancharkan dari alat pemancar ka-rumah2 awda. Jika sekira-nya awda mempunyai alat stereo isyarat tersebut ada-lah "de-multiplexed", ia-itu, di-bahagikan kepada isyarat bunyi2an asal untuk di-salurkan kepada alat2 pembesar suara sebelah kiri dan kanan. Sudah tentu jika set tuan itu ia-lah dari jenis mono, isyarat yang sama di-pancharkan membekalkan awda dengan



STEREO pada zaman permulaan-nya — dua buah alat pembesar suara, dua buah alat pemancar dan dua buah alat menerima.

MUTIKA 1979 — Pertandingan suku akhir bermula 7hb Januari

SA-RAMAI lebih kurang 500 orang telah memasuki MUTIKA, 79 yang telah diadakan ujian-nya semenjak bulan September, 1978 yang lalu, dan berakhir pada pertengahan bulan November. Dari sa-ramai itu, sa-telah diadakan beberapa peringkat ujian dan penapisan yang teliti, maka hanya sa-ramai 70 orang chalon sahaja yang di-fikirkan layak untuk memasuki ka-pertandingan peringkat suku akhir, ia-itu 40 chalon lelaki dan 30 orang chalon wanita.

Pertandingan peringkat suku akhir, ada-lah di-jangka sa-lama 10 minggu, dan peringkat sa-paroh akhir akan di-siarkan sa-lama empat minggu. Pertandingan perdana, ia-itu terakhir di-jangka akan diadakan dalam bulan April, 1979.


Minggu depan RTB akan menyiarkan pertandingan suku akhir, terus menerus dari Dewan Raya. Tujuh orang chalon akan bertanding dalam peringkat awal itu, yang terdiri dari empat peserta lelaki dan tiga peserta wanita.

Dalam pertandingan peringkat suku akhir itu nanti, dari sa-ramai tujuh orang chalon hanya tiga orang saja akan di-ambil untuk memasuki peringkat sa-paroh akhir. R1B telah pun melantik beberapa orang hakim bagi sa-tiap pertandingan. Para hakim akan hanya memilih Johan dan

Naib Johan suku akhir, tetapi peserta yang ketiga, atau chalon yang ketiga, akan di-pilih oleh orang ramai, melalui borang yang akan di-siarkan dalam akhbar PELITA BRUNEI. Pancharagam yang akan mengiringi sa-tiap chalon MUTIKA '79 terdiri dari tiga buah, ia-itu Perdana, Pusa-

nada, dan Seri Wana Combo, pasokan pancharagam itu akan di-gilir2 untuk mengiringi peserta pertandingan.

Jangan lupa saksikan-lah pertandingan suku akhir MUTIKA '79 pada minggu depan 7hb Januari, 1979 mulai jam 9.00 malam.



INI-LAH rupa bentuk pentas MUTIKA, 79 untuk suku akhir. Di-pentas ini-lah nanti para peserta MUTIKA akan berlagak dan mengalunkan suara mereka. Reka bentuk pentas ini, ada-lah chiptaan Awang Osman Mohammad, salah sa-orang Pegawai rekabentuk RTB.

"RED LETTER DAY"

DRAMA BARU

MULAI MINGGU INI

SATU siri baru yang mengandungi tujuh buah drama moden akan di-mulakan pada hari Ahad ini di-RTB. Siri ini yang bertajuk "Red Letter Day" dan sa-tiap drama mengisahkan tentang satu hari atau kejadian yang penting dalam diri sa-seorang.

Drama pertama dalam siri ini bertajuk "Misfit" di-tulis oleh Willis Hall. Ia-nya ada-lah sa-

buah kesah yang mengharukan mengenai sa-orang lelaki dan sa-orang kanak2 lelaki di-Pusat Pemulihan T.B.

Dua orang pesakit mempunyai kegembiraan yang sama ia-itu bolasepak. Kita akan dapat menyaksikan melalui pandangan Brian, peminat bolasepak yang muda dan di-lahirkan di-London. Ia bersahabat dengan "hero" bolasepak-nya, pengurus berbangsa Scot yang keras hati bernama Billy Marshall.

Brian melihat-nya dengan pela-

wat2-nya, isteri-nya, anak lelaki-nya dan teman wanita-nya. Ia memerhatikan hero-nya dengan penuh kekaguman dalam menghadapi tentangan di-dunia. Dengan berjalan sa-orang diri melintasi padang, atau di-dalam bilek mereka Billy memberitahu Brian cerita2 mengenai bolasepak dan mula melatah anak itu supaya menjadi sehat kembali. Ini mengasingkan mereka dari pesakit2 lain yang bermain kad yang membosankan.

Kemunchak filem ini ia-lah perjalanan mereka bersama sa-buah

TREASURE ISLAND

PADA minggu ini di-teruskan kisah pengembaraan yang menarik ini untuk adek2. Dalam episod minggu lepas Jim Hawkins memberikan peta pulau harta karun kepada Squire Trelawny. Sa-telah memutuskan untuk mencari harta karun itu, mereka menyewa sa-buah kapal, bernama "Hispaniola" untuk menuju kapulau itu. Di-antara anak kapal "Hispaniola" ia-lah Long John Silver, sa-orang penjajah berkaki satu. Bersama2 dengan lain2 ahli anak kapal yang di-ambil-nya bekerja, ia merancang untuk mengambil-aleh kapal itu, membunuh kumpulan squire, dan merampas harta karun itu untuk diri-nya sendiri. Bagaimana pun, Jim bersembunyi di-dalam tong dan mendengar ranchangan mereka yang jahat itu. Jadi-nya, Jim mesti-lah memberi amaran kepada pehak squire.

GAMBAR atas kanan menunjukkan adegan2 dalam episod "TREASURE ISLAND" minggu ini, salah sa-buah kisah pengembaraan yang di-sukai ramai.



Tayangan ga

TAYANGAN gambar minggu ini adalah komedi muzikal yang di-penyanyi Amerika yang lebih kurang mengesahkan pasangan suami isteri yang be-

perlawanan yang pen Billy bertemu dengan wart, sa-orang pengurus telah "menetapkan" sa perlawanan terhadap Dalam perlawanan itu muka dengan Stewart dium pengarah di-hada (Brian) dan pengari Walaupun ia merasa bersemuka itu, ia men kali. Di-pusat pemuehan Billy semakin peranan kedua2-nya b — oleh kerana kini Billy menggalakkan "hero"-

STEREO



INTISARI rtb MINGGU INI

The World of Survival

BINTANG dalam ranchangan Istimewa ini ia-lah ikan paus, binatang terbesar di-dunia. Hari ini, mamalia laut terbesar ini hampir2 susut bilangannya disebabkan oleh kelobaan manusia.

Paus Southern Right ada-lah jenis yang di-utamakan dalam ranchangan istimewa ini, sa-jenis binatang yang berat-nya satu ratus tan dan berukuran lebih enam-puluh kaki panjang-nya. Tetapi yang tak kurang penting-nya ia-lah mengenai ahli sains yang berjuang untuk menyelamatkan, bukan sahaja Paus Southern Right tetapi semua jenis paus. Ahli sains itu, Dr. Roger Payne ada-lah sa-orang ahli kaji hayat Amerika yang muda bersama2 isteri-nya juga sa-orang saintis dan empat orang anak yang berumur di-antara sembilan hingga 14 tahun. Salama empat tahun, keluarga Payne sa-chara sukarela mengasingkan diri mereka di-sebuah perkhemahan di-pantai yang sunyi sepi di-Patagonia untuk mempelajari 200 jenis Paus2 Southern Right yang kerap mendatangi tanah terlindung di-teluk Valdes Peninsula, 600 batu dari selatan Buenos Aires. Paus2 ini datang ka-prayeran2 terlindung ini untuk beranak dan menjaga anak2 mereka.

Sa-lama empat tahun, Roger dan Kathy Payne mempelajari erti nyanyian2 mereka, bagaimana mereka berchengerama, bagaimana mengelakkan pasangan yang tidak mereka ingini, bermain dengan anak2 mereka, berhubung di-antara satu sama lain, dan oerlayar, dengan menggunakan ekor2 mereka yang di-kembangkan untuk menghadapi tiupan angin.

Ranchangan istimewa ini tiba pada kemuncak-nya apabila penggambaran raksasa2 ini di-ambil di-bawah permukaan ayer, termasuk sa-buah gambar yang hampir2 tidak dapat di-perchayai di-mana sa-ekor paus berenang beberapa kaki sahaja dari jurukamera dengan mulut-nya yang terbuka, keluasan mulut-nya itu dapat memuatkan sa-orang lelaki yang tinggi untuk berdiri gagak di-dalam-nya.

Pastikan-lah awda menyaksikan dokumentari yang sung-goh menarek ini seperti biasa pada hari Selasa, 2hb Januari.

PADA hari Jumaat jam 6.30 petang, RTB akan mempersembahkan satu siri katun yang baru mengesahkan tentang C. B. Bears.

The C. B. Bears ada-lah tiga ejen berpengalaman yang menyamar diri di-mana pusat menjalankan gerakan mereka ia-lah di-lori sampah biasa yang berbau.

Turut menjayakan siri ini ia-lah Blast-Off Buzzard dan Crayzlegs. Blast-Off Buzzard yang selalu lapar membuat berbagai ranchangan untuk menangkap Crayzlegs, sang ular. Tetapi Crayzlegs sangat pintar dan mengalahkan Buzzard dalam sa-tiap tipu helah-nya. Akhir sekali kita akan di-ketemukan dengan Posse Impossible ia-itu sheriff yang berjalan ter-hoyong hayang.

Bandar Barat Lama Saddlestone tidak perlu bimbangkan penjajah2 atau Indian2 apabila ada-nya Posse ini!

MENJELANG 1979

SAPERTI juga tahun2 lepas, pada tahun ini RTB sekali lagi menyambut tahun baru Masehi dengan satu persembahan khas. Tahun ini ranchangan sempena tahun baru diberi nama Menjelang 1979.

Bila menyebut tahun baru, terkenang-lah kita pada azam dan resolusi baru. Bagaimana pula bentuk dan keadaan negeri kita Brunei? Perkara ini akan dapat di-gambarkan dengan mendengar titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei. Titah Baginda akan dapat di-dengar sa-baik2 saja waktu beralah ka-tahun baru 1979.

Di-tahun2 lepas kita hanya mendengar suara2 manis penuh semangat dan harapan dari penuntut2 kita di-seberang laut. Tahun ini kami akan melihat wajah mereka sekali gus. Dengan demikian dapat-lah kita menilai mood mereka di-tahun baru. Kita juga akan paparkan ikrar Pengerusi baru Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom. Siapa dia? Tuntun-lah Menjelang 1979.

Tahun baru—keluarga baru. Siapa-lah agak-nya yang akan bernas2 baik menerima hadiah2 istimewa dari RTB. RTB sudah pun menyediakan hadiah2 bagi menyambut kedatangan ahli baru dalam keluarga. Kami akan berhubung terus dengan wad beranak di-hospital2 di-semua daerah untuk mengetahui kelahiran2 anak2 damit yang hampir dengan tahun 1979. Kami juga telah membuat penggambaran ka-atas anak damit yang di-lahirkan tahun lepas yang usia-nya genap sa-tahun pada ketika itu (tahun baru). Jangan

lupa menyaksikan-nya.

RTB juga akan menyediakan hadiah2 untuk pemenang2 kuiz talipon. Soalan2 senang akan di-berikan.

Tidak-lah lengkap ranchangan menyambut tahun baru kalau tidak di-senaraikan peristawa2 penting pada tahun yang akan berlalu. Untuk mengenang kembali peristawa itu jangan lupa menuntun Menjelang 1979.

Oleh sebab ranchangan ini di-siarkan pada larut malam kami sudah pun menyediakan acara2 yang boleh membukakan mata para muda-mudi sekalian.

Saksikan Sudirman Haji Arshad bergaya menari sambil menyanyi. Tidak ketinggalan kumpulan Black Dog Bone dengan lagu baru yang belum lagi di-rekodkan. Pastikan awda yang mendengar-nya dulu.

RTB juga menyediakan barisan penyanyi2 tempatan dan penari2 handalan yang sedang meningkat naik seperti Saadiah Haji Ghazali, Abdullah Zakiah, Siti Aishah Abdul Rahman, Manaf Haji Manggong, Tuminam Timbang dan lain2.

Menjelang 1979 akan di-siarkan sa-chara terus menerusi dari Dewan Raya RTB pada jam 11.00 malam. Kami tau awda juga sama2 menyambut tahun baru itu. Jadi kenapa harus berperam di-rumah? Kenapa tidak bersama2 kami di-Dewan Raya dengan mood tahun baru. Menyaksikan 'yang live' ada-lah lebih istimewa dari melihat-nya dari kaca talivishen. Masok ka-Dewan adalah perchuma. Jangan lepaskan peluang ini. Datang-lah menuntun di-Dewan yang penuh selesa yang di-lengkapi dengan hawa dingin!

gabungkan dengan signal2 dari a signal untuk alat pemancar. ed2 untuk memberikan satu eo.

mono ranchangan tersebut. h kerana ada kemungkinan berhajat untuk mengikuti taraf dengan menggunakan pentas 2an seluas 4 metre, alat2 pem-suara awda mesti-lah di-letak-didak jauh dari yang ini. Jika nya letak-nya ada-lah sedemi-awda tentu akan mendapatkan bunyi2an yang keluar dari agahan ruang di-antara mereka. nya dapat-lah awda saksikan RTB dalam mengikuti ke-an2 teknikal yang terbaharu di-radio, dapat membekalkan tangan penerbitan-nya dengan ang2 kesenian yang lebih luas dalam memberikan hiburan ste-rumah2 awda. Stereo sepatut-membuatkan hidup lebih meng-nakan dan menyeronokkan. Ini h, sa-hingga sa-seorang akan npta sesuatu yang baharu, sa-niadakan alat pembesar sua-anahan, dan meletakkan kedua2 n isyarat menjadi satu—dan gkali memanggil mono?



malam Sabtu

“Good Times” ada-lah sa-eh Sonny dan Cher, kumpulan satu ketika dahulu. Filem ini mereka — mereka merupakan erjaya dan mempunyai peminat di-seluruh Amerika.

Tetapi Sonny tidak ber-puas hati. Ia berchadang untuk mencheborkan diri dalam filem dan menerima satu tawaran untuk ber-lakun dari Mr Mordicus (George Sanders).

Sonny berangan2 diri-nya berlakun sa-bagai pahlawan2 purba. Dalam sa-tiap hal, ke-tidak-chekapkan Sonny terhadap si-penjabat (kesemua-nya me-nyerupai Mr Mordicus) meny-ebahkan Cher yang berlakun sa-bagai pelakun wanita, ber-susah hati.



WAKIL2 ‘HARIAN RADIO’ baru2 ini telah di-undang datang ka-Bandar Seri Begawan, oleh Pengelola Bahagian Melayu, bagi membincangkan kandungan ranchangan terse-but bagi tahun 1979.

Gambar bawah (dari kiri) ia-lah Awang Mohd. Noor Awang Besar (wakil Harian dari Tutong) Ampuan Hussin Ampuan Tahir (wakil Harian dari Temburong) Awang Hashim Suhaimi (wakil Harian dari Kuala Belait) bersama2 dengan Awang Ramlie bin Haji Mohd Said, Pengelola Ranchangan Bahagian Melayu, RTB.

VERONICA Shim, Organiser and Compere of the show, introduce a contestant (above) and Datin Hajjah Jusnani bte Haji Lawie presenting a Cup to Joanna Rachel Cheong for 1st prize — Fancy Dress.



English is vital to exam success

“YOU are encouraged to speak your national language and to be proud of it. Rightly so! but as many of you get high up in school with university looming ahead, you have to read text books in English and pass your examinations in English”, Stewart Wavell, Radio Programme Production Manager, of RTB was speaking at the beginning of the “Children’s Variety Show” at the Dewan Raya over the weekend organised by the English Section of Radio Brunei. “Without a good knowledge of English you will fail your exams. So by all means perfect your Malay and tune into the Malay Service, but also listen to the English Service for a short period every day”, he said.

Awang Wavell mentioned that next year was called the United Nations “Year of the Child”. World attention would be focussed on the problems and needs of children. In Brunei, where all physical needs were provided for, all that remained was to develop young talent and skills. This was the aim of the “Children’s Variety Show”. Prizes were presented by Datin Hajjah Jusnani, Director of the Economic Planning Unit to the following children:

Vocal Solo

- 1st Wong Pao Chi (KB)
- 2nd Normegawati Yahya (BSB)
- 3rd Amirulikrama Abd Rahman (BSB)

Vocal Group

- 1st The Do-Re-Mi Group (KB)
- 2nd The Young Sisters (KB)
- 3rd The Broaders (BSB)

Instrument Solo

- 1st Chong Wan Chuen (KB)
- 2nd Neecia Maria Majolly (KB)
- 3rd Dk Monira Pg Mohiddin (BSB)

Fancy Dress

- 1st Joanna Rachel Cheong (BSB)
- 2nd Jolsuraini Zaini (BSB)
- 3rd Chong Hui Chuen (KB)

SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra Irama; 9.00 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan Selokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30 — Autograph pendengar. **T/HARI:** 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka (SU); 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untuk fardhu Magrib, diikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat; — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima-lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasana Berita, diikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.15 — Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. **T/HARI:** 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran ramaian tengah hari, — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untuk fardhu Magrib, diikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasana Berita, diikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

APA PILEHAN AWDA



MINGGU ini peminat2 ranchangan Apa Pilehan Awda akan dapat berhibor dengan lagu2 pilihan Dayang Sahraimah bte Judin, No 19A, Kampong Pengiran Tajuddin Hitam, Bandar Seri Begawan (gambar atas).

Lagu2 pilihan Dayang Sahraimah akan dapat diikuti pada hari Jumaat 29hb Disember, 1978 jam 9.00 pagi. Siaran ulangan ranchangan tersebut akan dapat diikuti pada hari Sabtu jam 9.30 pagi.

JUMAAT

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.00 — Untuk kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilihan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30 — Hidayat (SU). **T/HARI:** 12.00 — Permainan gambus (SU); 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsung dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Suara Dari Bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) — Azan untuk fardhu Asar; 4.00 — Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untuk fardhu Magrib, diikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasana Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SABTU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilihan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). **T/HARI:** 12.00 — Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran ramaian tengah hari — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentary Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian

Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh Perindu; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untuk fardhu Magrib, diikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidayat Melayu Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasana Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.30 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

AHAD

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00 — Majallah Radio; 8.30 — Dunia Wanita; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30 — Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Terima-lah Sampul Surat; 11.30 — Hello siapa di-sana; **T/HARI:** 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Ramaian tengah hari — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Bualan minggu ini. **PETANG:** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untuk fardhu Asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Siri Sejarah; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.00 — Buloh Perindu; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untuk fardhu Magrib, diikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Suara parajurit — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasana Berita, diikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama;

7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandung irama. **T/HARI:** 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15 — Hiboran ramaian tengah hari; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga Jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untuk fardhu Magrib, diikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar; 9.00 — Untuk kaum tani; (SU); 9.30 — Serbanika persembahan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasana Berita, diikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SELASA

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Rampaian London (SU); 9.45 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Senandung ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/ meninjau sambil lalu; 11.30 — Puspagam; **T/HARI:** 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan Aneka Instrumental — Azan untuk fardhu Magrib, diikuti oleh bacaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45 — Senandung Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasana Berita, diikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGERIS

WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. **NOON:** 12.00 — Hits In Germany (repeat); **PM:** 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Hot Questions-Cool Replies (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Ja'afar Yakub; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Late Night Cabaret with Donald Swann, Sydney Carter, Jeremy Taylor; 10.30 — Close Down.

THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express; 11.45 — World of Education. **NOON:** 12.00 — My Word (repeat). **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sound by Tajul Ahmad; 8.30 — Our Brunei Viviyanti Ali (repeat); 9.00 — What's Wrong with me, Doctor? by Shirley Don; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music for easy listening by Ak Hishamudin Pg Yaakub; 10.30 — Close Down.

FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Calling On You by Sheikh Abbas. **NOON:**

12.00 — Our Brunei produced by Viviyanti Ali. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Jethro Tull — Live; 8.30 — Dr Finlay's Casebook; 9.00 — Light Music from Netherland; 9.15 — News; 9.30 — Does the team think; 10.00 — BBC World Report; 10.15 — A Date with Donna Summer; 10.30 — Close Down.

SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Dr Finlay's Casebook (repeat); 11.30 — From Ticker, Tape and Telephone. **NOON:** 12.00 — Stringband; 12.30 — News; 12.45 — Doors to Opportunity by Ja'afar Yakub (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of the Pops (repeat); 8.30 — Just For Variety by Sheikh Abbas; 9.00 — The Singing Bamboo by Shirley Don (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Forum (repeat); 11.45 — Yet Another Part-ridge in a Pear Tree — a short story by Brian Sibley. **NOON:** 12.00 — Women's World (New Year Edition) produced by Charan Chand; **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Hot Questions — Cool Replies produced by Nafisah Haji Ali; 1.00 — Close Down. **PM:** 8.00 — Opening Announcement — New Year Musical Diary by Nafisah Haji Ali; 8.30 — Young

Entertainers produced by Ja'afar Yakub; 9.15 — News; 9.30 — Announcers' Special (repeat); 10.15 — Alice's Adventures in Wonderland; 10.30 — Profile on George Harrison; 11.30 — Ringing in the New Year by Nafisah Haji Ali; 12.30 — Close Down.

MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — New Year's Day Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Door To Opportunity Special (repeat). **NOON:** 12.00 — What Fascinates Me produced by Shirley Don. **PM:** 12.15 — Short Story — "Madame Aubin"; 12.30 — News; 12.45 — Hello! Happy New Year!! 2.00 — Children's Variety Special (repeat); 3.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Happy New Year — a request programme presented by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — Theatre Forty Five; "Long Time Story" — Valerie Murray; 10.30 — Close Down.

TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — Sports Magazine. **NOON:** 12.00 — Steptoe and Son 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong with me doctor by Shirley Don (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "The Byrds Reunion Special" Side 1; 8.30 — It's All Yours by Veronica him; 9.00 — Man in a Changing World; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Melody Time; 10.30 — Close Down.

DI-BAWAH BUMBONG SEKOLAH ADA TIGA BHG. MENGAMBIL PERANAN



KELIHATAN Awang Haji Samat bin Ibrahim sedang menyampaikan hadiah kepada Awang Roslan bin Haji Ismail dari darjah IVF, sa-bagai murid yang amanah; di-temasha Hari Pelajar, Sekolah Melayu Lela Menchanai sementara gambar bawah menunjukkan tetamu di-temasha itu sedang menyaksikan pertunjukkan tulisan jawi.



Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah bermula 21hb Disember, 1978.

BANDAR SERI BEGAWAN

- (1) MINYAK MAKAN CHAP BUNGA — \$32.50 — 24 kati boleh di-beri dari kedai berikut: —
Lam Seng,
No. 3, Jalan McArthur,
Bandar Seri Begawan.
- (2) UDANG KERING — \$6.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
Chop Hock Huat,
No. 62, Jalan McArthur,
Bandar Seri Begawan.
- (3) ASAM JAWA — 35 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
(a) Ghee Guan,
No. 4, Jalan McArthur,
Bandar Seri Begawan.
(b) Liong Yu Co.,
No. 58, Jalan Sultan,
Bandar Seri Begawan.
(c) Chop Hock Huat,
No. 62, Jalan McArthur,
Bandar Seri Begawan.

KUALA BELAIT:

- (1) MINYAK MAKAN CHAP BUNGA — \$32.50 — 24 kati boleh di-beri dari kedai berikut: —
Chop Yee Seng,
No. 46, Jalan Pretty,
Kuala Belait.
- (2) UDANG KERING — \$6.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
Yick Yuen,
No. 3, Jalan Pretty,
Kuala Belait.
- (3) ASAM JAWA — 40 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
(a) Yick Yuen,
No. 3, Jalan Pretty,

Kuala Belait.

- (b) Choo Seng,
No. 20, Jalan Pretty,
Kuala Belait.
- (c) Chop Lian Ho,
No. 24, Jalan Pretty,
Kuala Belait.
- (d) Fah Sen Co.,
No. 27, Jalan Pretty,
Kuala Belait.

SERIA:

- (1) MINYAK MAKAN CHAP BUNGA — \$32.50 — 24 kati boleh di-beri dari kedai berikut: —
Poh Sing,
No. 65, Jalan Bunga Kenanga,
Seria.
- (2) UDANG KERING — \$6.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
Poh Sing,
No. 65, Jalan Bunga Kenanga,
Seria.
- (3) ASAM JAWA — 40 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
(a) Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali,
Seria.
(b) Chop Yick Hoe,
No. 7, Jalan Sultan Omar Ali,
Seria.
(c) Chop Koh Seng Heng,
No. 7, Jalan Sultan Omar Ali,
Seria.
(d) Choo Heng Co.,
No. 30, Jalan Sultan Omar Ali,
Seria.
(e) Hudson Co.,
No. 31, Jalan Sultan Omar Ali,
Seria.

Kahar, ketika berucap di-temasha Hari Pelajar, Sekolah Melayu Lela Menchanai, minggu lalu. Kerana tambah-nya, di-bawah bumbong sekolah itu ada tiga golongan yang mengambil peranan penting demi kejayaan murid2-nya dan sekolah itu, ia-itu ibu-bapa, guru dan murid2 itu sendiri.

Ibu-bape ada-lah sentiasa berdamping dengan anak2 mereka dengan demikian banyak pula kesempatan ibu-bapa itu meneliti pelajaran murid2; menanya dan mengarahkan mereka membuat serta menyelesaikan kerja2 mengenai pelajaran-nya yang belum diselesaikan. Ini juga satu daripada kerjasama yang dapat di-berikan oleh ibu-bapa kepada guru2 demi

kemajuan murid2 itu, jelas-nya.

Menurut Awang Abdul Samad lagi, guru2 pula ada-lah di-harapkan supaya tidak jemu2-nya menchari dan mengunjar kaedah2 yang baharu di-bidang pendidikan kerana pelajaran itu berkembang, bukan-nya beku dan statik. Ini sesuai dengan ucapan Pemangku Pengarah Pelajaran dalam ucapan-nva di-pembukaan rasmi Hari Pelajar pada tahun ini, mengatakan guru itu ada-lah teras pelaksanaan sistem pendidikan.

Guru2, jelas beliau lagi, ada-lah di-harapkan sentiasa berdamping rapat dengan ibu-bapa untuk berkerjasama bagi mendapatkan kemajuan sekolah. Dan murid2 pula hendak-lah



Awang Abdul Samad bin Kahar

rajin belajar kerana masa kecil ini-lah sa-baik2 mendapatkan asas pelajaran supaya sa-telah dewasa kelak akan menjadi anggota masyarakat yang berguna.

"Jika dari ketiga2 golongan tersebut saling bahu-membahu, Insha Allah akan tercapai kemajuan sekolah, sesuai dengan ucapan Pemangku Pengarah Pelajaran di-pembukaan rasmi Hari Pelajar menyatakan, kemajuan pelajaran itu bukan terletak kepada keindahan bangunan tetapi isi-nya," kata Awang Abdul Samad lagi.

K'jaan memperuntukan berjuta2 ringgit untuk kemajuan pelajaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Dipertua Jawatankuasa Hari Pelajar Sekolah Melayu Lela Menchanai, dan juga sa-laku Ketua Kampong Lurong Sikuna, Awang Haji Samat bin Ibrahim, menyatakan yang Kerajaan Kebawah DYMM telah memperuntukan berjuta2 ringgit untuk memajukan pelajaran raayat di-negeri ini. Dan raayat di-negeri ini, terutama ibu-bapa serta penjaga murid2 harus-lah bekerjasama dengan guru2 sekolah untuk mencapai matala2mat itu.

Ketika berucap di-temasha Hari Pelajar Sekolah Melayu Lela Menchanai, minggu lalu, Awg Haji Samat menekankan bahawa anak2 kita yang ada pada hari ini ada-lah bakal dewasa dan menjadi raayat atau pemimpin negeri ini pada masa akan datang. Oleh yang demikian, jelas beliau lagi negeri kita harus-lah menyediakan bakal2 pemimpin dan raayat yang sempurna pendidikan-nya baik dari segi rohani maupun dari

segi jasmani.

"Hari Pelajar, hari ini, ada-lah memberikan peluang kepada ibu-bapa dan penjaga murid2 untuk sama2 berbincang dengan guru2 di-sekolah bagi menchari jalan ka-arrah kemajuan pelajaran murid2. Peluang ke-emasan ini sepatut-nya tidak di-lepaskan begitu sahaja oleh ibu-bapa atau penjaga murid," kata-nya.

Menyentuh dengan pencapaian pembangunan, Awang Haji Samat menyatakan, ia-nya ada-lah bergantung kepada kesedaran, semangat persafa-

haman, bantu-membantu dan berusaha untuk membangun bangsa, negara dan agama Islam.

Menurut-nya, murid2 ada-lah di-sifatkan sa-bagai pemimpin yang bukan hanya sa-bagai orang tua2 yang di-segani dari segi kedudukan akan tetapi murid2 juga ada-lah merupakan sa-bagai Duta Kecil negeri yang memikul tanggung-jawab pada menentukan pelaksanaan pembangunan itu. Dan kunci penchapaian pembangunan itu, ia-lah keamanan yang harus di-pupok dan di-ujudkan.

Kelas Dewasa Teknikal

KUALA BELAIT.—Kelas Dewasa Pelajaran Teknikal bagi kerja2 pemasangan letrik (Electrical Installation Works — certificate 235 Part 2) akan di-adakan di-Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkih Kuala Belait. Pendaftaran penuntut2 bagi tahun 1979 akan di-adakan di-sekolah tersebut pada 29hb dan 30hb Di-

sember, 1979 antara jam 5.30 dan 6.30 petang.

Mereka yang ingin mengikuti kelas tersebut adalah di-kehendaki menghubungi Penyelia Pelajaran Dewasa di-Sekolah Inggeris Perdana Wazir atau Pengajar kelas yang berkenaan di-Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkih.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 1hb hingga 6hb Jan. 1979

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Sungai Hanching	*1.1.1979	Isnin	3.00- 4.00 petang
Berhadapan Kedai, Pekan Muara	*1.1.1979	Isnin	4.30- 5.30 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah)	2.1.1979	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerek Desa	2.1.1979	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis	3.1.1979	Rabu	8.30- 9.30 "
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	3.1.1979	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	3.1.1979	Rabu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Birau	6.1.1979	Sabtu	1.30- 2.00 petang
Sekolah Melayu Kiudang	6.1.1979	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	6.1.1979	Sabtu	4.00- 5.00 "

Peringatan : * 1hb Januari, 1979 — Chuti Awal Tahun Baru Masehi.

PERTEMPORAN BERMULA

OLEH:
**STEWART
WAVELL**

DENGAN memiliki satu angkatan buah-chator yang kuat, ada-lah sukar bagi awda bagai mana hendak memulakan pertemporan. Jika awda Puteh, awda memulakan gerak pertama dan, oleh yang demikian, mengambil inisiatif dan menentukan hala permainan. Awda hanya akan berjaya menang jika awda menyerang dengan menggunakan semua kekuatan buah-chator awda, bukan dengan menggunakan satu buah-chator sahaja. Mithal-nya, jika awda membawa keluar Menteri awda, lawan awda akan menggempornya bertalu2. Sa-lepas enam gerak, awda akan hanya mempunyai satu buah-chator yang sedang bertarong ia-itu Menteri; sementara lawan awda mempunyai enam! Jadi biarkan Menteri awda tinggal di-tempat-nya.

Terdapat banyak jenis gerak pembukaan dalam main chator, dan berdozen2, malahan beratus2 buku telah di-tulis mengenai-nya, tetapi jika awda berpegang kepada beberapa dasar utama sa-bagai permulaan, awda ada harapan untuk maju. Kemudian, sesudah awda menjadi grandmaster, awda boleh melakukan apa sahaja: terdapat kekecualan bagi sa-tiap peratoran. Buat sekarang, patohi-lah yang berikut:

1. Perjuangkan untuk menguasai empat petak di-tengah2 dengan buah-chator awda. Dengan menguasai bahagian tengah, awda dapat

menyerang ka-mana2 bahagian sayap! Awda juga dapat menukar bentuk serangan.

2. Bawa ka-depan buah-chator awda yang di-barisan belakang dan letakkan dalam keadaan bersiap sedia untuk menyerang.

3. Gerakkan Bidak pada permulaan hanya untuk menguasai bahagian tengah dan membuka jalan bagi buah-chator yang lain untuk bertindak.

4. Gerakkan Kuda ka-bahagian tengah sa-belum awda membawa keluar Gajah.

5. Jangan gerakan buah-chator yang sama dua kali!

6. 'Kubukan' Raja awda dengan selamat, kemudian bawa kedua2 Tihir untuk menguasai dua barisan di-bahagian tengah, dan perbaiki kedudukan Menteri.

Oleh kerana sekarang semua buah-chator awda sudah bersedia untuk bertindak, 'permainan pertengahan' pun bermula. Sa-belum itu awda akan menyoal saya: "Bagaimana dengan permainan2 pembukaan yang pernah saya dengar: Guoco Piano, Ruy Lopez, Bengko Gambit, Sicilian Defence, Pembukaan Alekhine, Torre Attack, Queen's Gambit, Indian Defence, Pembukaan Reti, dan sa-bagai-nya. Ada-kah saya patut mempelajari semua-nya?" Tidak. Tony Miles memberi tahu saya pada tahun sa-belum ia menjadi grandmaster Britain yang per-

Siri ke-6

tama sa-masa berumur 20 tahun yang ia tidak pernah membaca buku2 mengenai main chator. Bahaya mengahafal permainan2 pembukaan ada-lah awda bergantung kepada pertimbangan orang lain; bukan pertimbangan awda sendiri. Apa yang awda mesti lakukan ada-lah berlatih dengan menggunakan Puteh, mithal-nya Pembukaan Ruy Lopez. Bermain-lah dengan pembukaan ini berkali2 sehingga awda betul2 mahir. Jika tindak-balas Hitam terhadap gerak awda yang pertama B-e4 ada-lah B-c5, ia-itu Sicilian Defence, awda mestilah mempelajari bagaimana menghadapi tindak-balas itu dan berpuas hati yang Puteh memulakan permainan dengan suatu kelebihan yang besar daripada Sicilian Defence. Sa-balek-nya, jika awda Hitam, awda mestilah mempelajari satu pembukaan untuk membalas gerak B-e4 dan satu lagi pembukaan untuk membalas B-d4. Jika awda mendapat banyak pengalaman mengenalikan dua pembukaan untuk Puteh dan dua pembukaan untuk Hitam dengan mahir, awda akan memperoleh kejayaan yang chemerlang dalam permainan perengkat Kelab. Kemudian, apabila awda sudah lebeh berpengalaman, awda boleh meneliti semua pembukaan yang lain itu, tetapi pada perengkat permulaan ini jangan-lah di-pedulikan dahulu.

Ia dapat menunggu.

Dalam beberapa tahun seterusnya awda akan belajar bertenang dan hanya menchuba perkara2 yang menghendaki perlaksanaan. Untuk menchuba terlalu banyak akan menimbulkan kebimbangan dan kesalahan2 yang tidak berfaedah. Sa-orang master yang agong tidak membuang masa pada sa-tiap perengkat permainan untuk menchari satu langkah atau satu gabungan yang tiba2 memberi kemenangan chemerlang kepada-nya. Apa yang menjadi tumpuan perhatian-nya, jauh sa-belum ia memikirkan sebarang gabungan langkah, ada-lah untuk memastikan yang sa-tiap buah-chator-nya berada di-tempat di-mana ia dapat bertindak dengan baik. Sa-tiap buah-chator patut-lah dipusatkan di-bahagian tengah, jika dapat. Sa-tiap buah-chator mestilah mempunyai cukup ruang untuk bergerak (bebas bergerak) dan sa-tiap buah-chator juga hendaklah mempengaruhi perjalanan permainan. Dalam masa yang sama, awda mestilah ingat bahawa menyekat lawan awda daripada membuat langkah yang baik ada-lah tidak kurang penting-nya daripada membuat langkah yang baik untuk awda.


Minggu depan saya akan meneliti bersama awda satu pembukaan yang saya gemari — Ruy Lopez. Tetapi sekarang chuba dulu saya terangkan apa yang di-maksudkan dengan 'berkubu'.

'Berkubu' ia-lah satu jenis gerak khas yang di-perkenalkan dalam kurun ke-16 yang bertujuan untuk meranchakkan lagi permainan. Raja dan Tihir bergerak hampir2 sa-


rentak, Raja bergerak dua petak ka-araf Tihir, dan kemudian Tihir mengambil tempat-nya di-sebelah Raja pada petak yang bersehubungan. Dengan lain perkataan, kedua2-nya bertukar tempat dan duduk bergandingan. Ini menempatkan Raja dalam kedudukan yang selamat, di-suatu sudut, di-kawal oleh satu barisan Bidak. Ia juga menempatkan Tihir lebeh dekat ka-tengah, hampir dengan medan pertemporan. Tentu-nya Raja dapat di-gerakan ka-sebelah-menye-belah papan-chator, tetapi ia tidak pernah bergerak lebeh daripada dua petak dan ia tidak dapat lolos daripada asah. Apabila membuat gerak 'berkubu', pemain mestilah mula2 mengangkat Raja, dan kemudian Tihir. Peratoran dalam main chator ada-lah jika awda menyentoh mana2 buah-chator, buah-chator itu mestilah di-jalankan. Oleh yang demikian, jika awda menyentoh Tihir mula2, awda mestilah menjalankan-nya: awda tidak dapat 'berkubu'. Awda mestilah berhati2 mematohi peratoran ini. Chuba perhatikan rajah2 berikut:

Huraian Masa'aloh 4:


Ya: Puteh menang dengan sah-mat menchekek, satu kes yang jarang berlaku dalam permainan grandmaster. Penamat-nya ada-lah TXK1, BXT; MXB asah, G-c6; TXG, KXT; MXK asah, R-h8; M-g8 asah! TXM; K-f7 sah-mat.




Rajah 26




Rajah 27
'Berkubu' Sa-belah Raja



Rajah 28
'Berkubu' Sa-belah Menteri



MASAALAH 5



Rajah 29

BOTVINNIK Iwn Keres. Kejohanan Berpasokan USSR 1966. Botvinnik, juara dunia dari tahun 1948 hingga 1963 dengan beberapa selang singkat, telah menumpukan serangan-nya ka-araf pertahanan yang lemah Raja Hitam. Nampak-nya permainan akan lama berlanjutan, tetapi dapat-kah awda mencham bagaimana Botvinnik (puteh, untuk bergerak) memaksa lawan-nya menyerah kalah dengan chepat? Gerak pertama ada-lah mudah di-cham tetapi yang berikut-nya tidak begitu mudah.

MENGUJI KECEKAPAN PALANG MERAH, BULAN SABIT MERAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa pertandingan chemas bagi menguji kecekapan ahli2 Palang Merah dan Bulan Sabit Merah telah di-adakan di-pekarangan Pusat Belia sini minggu lalu sempena memperingati ke-30 tahun tertubuhnya Palang Merah Brunei dan memperingati ke-150 tahun Henry Dunant, bapa Palang Merah sa-dunia.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson yang juga sa-laku Yang Dipertua Persatuan Palang Merah Brunei telah menyampaikan pingat2 dan sijil2 kepada pegawai2 dan ahli2.

GAMBAR kiri, pasokan Bulan Sabit Merah, Miri, Sarawak, menunjukkan kecekapan sa-waktu memberikan pertolongan chemas kepada sa-orang yang terkena karan letrik sementara gambar bawah, Pengarah Palang Merah Brunei, Awang Palaniandy, sedang memeriksa perbarisan sa-belum acara pertandingan itu di-mulakan.

BOLASEPAK PIALA LIGA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 42 pasokan dari Daerah Brunei-Muara dan Tutong, akan menyertai pertandingan bolasepak Piala Liga anjoran BFA. Perlawanan pertama telah di-mulakan semalam di-antara Sekata lawan Kujaga.

Tahun lalu, Pasokan Indera telah menjadi johan dalam pertandingan ini sa-telah menewaskan Pasokan Muara United.



AWANG Anthony Chin, Setia Usaha Kehormat Persatuan Chator Brunei bergembira dengan teman-nya Awang Ibrahim Haji Ali menikmati permainan chator sa-chara 'Lightning Game'.



KONSEP *jihad* tidak lahir dari hawa nafsu atau semata2 keinginan untuk berperang. Bahkan *jihad* dan *peperangan* itu merupakan dua perkara yang berbeza, terutama berbeza dari segi hikmat, tujuan dan dasar. Dasar2 *jihad* ditentukan sendiri oleh Allah Ta'ala. Ia bukan lahir dari fikiran dan kemahuan Nabi Muhammad, atau apa-tah lagi dari orang lain selain Baginda. Konsep *jihad* tidak berchampur apa2, melainkan semata2 *kemuliaan dan kehormatan untuk ugama Allah dan umat Islam*. Di-dalam-nya bersch dari segala bentok dendam dan hasad dengki, tidak ada nafsu shahwat, tidak ada tamak, tidak ada ria, tidak ada khianat dan tidak ada dzalim.

Awal sejarah membuktikan, bahawa Nabi Muhammad yang amat baik itu, sabar dan merendah diri, Baginda bukan sahaja di-tentang dengan kata2, bahkan dengan perbuatan dan penangan2 yang kejam. Hal ini berlaku masa Baginda di-Mekah lagi. Dan tuan tentu-nya telah membaca tawarikh, bagaimana perbuatan orang2 kafir Quraish terhadap Baginda? Bagaimana kelakuan dan sikap Abu Jahal dan Abu Lahab? Tidak-

kah tuan ingat tawarikh memberi tahu, bahawa Junjongan kita itu pernah di-lempar dengan batu, najis di-letakan ketika Baginda sedang sembahyang, di-boikot hingga susah makan dan minum oleh orang2 kafir2 Tetapi apa reaksi Nabi dan orang2 Islam?

Mereka tidak melawan, dan bahkan tidak pernah memikirkan bagaimana untuk melawan, sa-hingga-lah dengan kehendak Allah, Baginda dan orang2 Islam di-izinkan berhijrah, dan kemudian baru di-ikuti kezinaan berperang (*jihad*) dengan menggunakan senjata, harta dan jiwa (lihat Surah Al-Haj ayat 39-40) yang bererti: "Telah di-izinkan (*berperang*) bagi orang2 yang di-perangi disebabkan mereka teraniaya. Sesungguh-nya Allah Maha Berkuas menolong mereka itu, ia-itu orang2 yang telah di-usir dari negeri mereka tanpa alasan2 yang benar, hanya semata2 kerana mereka itu mengatakan "Tuhan kami ia-lah Allah."

Jadi berdasarkan ini, hukum *jihad* itu bukan-lah sesuatu yang di-ranchang atau senghaja di-ator oleh sesiapa, melainkan ia-nya telah wujud dalam Shari'at Allah Ta'ala. Ia terbahagi kepada dua: *Jihad dakwah dan jihad dengan senjata* (lihat buku AL-JIHAD karangan Dr. Ahmad Muhammad Al-Hufi m.s. 200-204).

Rasulullah s.a.w. ada-lah tauladan yang tertinggi sekali memberikan contoh yang sangat indah dan ideal dalam melaksanakan kedua2 jenis *jihad* ini. Kedua2-nya menghendaki keteguhan dan ketahanan yang tidak alang kepalang. Kedua2-nya sangat berat, besar dan agong. Sebab itu ia hanya di-sanggupi oleh orang2 yang agong pula.

Mula2 chuba kita perhatikan *jihad* Rasulullah dalam bidang dakwah, bagaimana tegoh, tegas dan berani-nya Baginda itu:

1. Baginda tidak pernah menukar sikap-nya untuk melayan kehendak2 yang

JIHAD BUKAN LAHIR DARI HAWA NAFSU ATAU FIKIRAN SA-SEORANG, TETAPI SUATU HUKUM SHARI'AT YANG SUCI

bathil, dalam erti kata Baginda tidak pernah memikirkan apa yang orang lain mahu, sedang shari'at mengatakan-nya tidak. Shari'at menyuruh hidupan dakwah walaupun orang lain tidak suka. Shari'at suruh bantah, bahawa berhala2 itu bukan Tuhan, tidak mendatangkan munafa'at atau mudzarat, walaupun ini pahit dan mendatangkan kemarahan kepada orang2 kafir Quraish. Tetapi Baginda tetap jalan terus.

Ini-lah *jihad* — *jihad dalam dakwah*. *Jihad* tidak boleh putar ka-belakang, tidak boleh ikut angin, tetapi *jihad* yang lurus ia-lah menyusur angin. Dan oleh kerana sikap menyusur angin, sikap tegas ini ada pada Rasulullah-lah, orang2 Quraish pada suatu hari telah sepakat menemui bapa saudara Nabi, Abu Talib, mereka berkata: "Wahai Abu Talib, sesungguhnya di-sisi kami, tuan-lah orang tua yang kami muliakan dan hormati. Kami datang meminta jasa baik tuan supaya melarang anak saudara tuan itu dari terus menghinakan ugama nenek moyang kami. Demi Tuhan, kami tidak sabar lagi dengan penghinaan ini, sa-hingga tuan dapat kiranya merentikan-nya, atau kami sendiri terpaksa melakukan sesuatu hingga salah satu pehak akan ada yang binasa."

Kata2 ini di-sedari oleh Abu Talib ada-lah ancaman, suatu kata dua yang serius yang tidak boleh di-abaiakan. Lalu beliau memanggil Nabi dan berkata: "Wahai anak-ku! Sesungguh-nya kaum-mu telah mendatangi-ku, mereka berkata begitu dan begini. Maka fikirkanlah untuk keselamatan aku dan juga diri-mu, dan jangan-lah aku engkau bebani apa yang aku tidak berupaya."

Dengan kata2 itu, Rasulullah

s.a.w. telah menyangka yang bapa saudara-nya telah tidak menyebelahi-nya lagi dan tidak mahu menolong-nya. Ini benar2 menyedehkan-nya. Tetapi bagaimanapun, tidak pula sampai menchachatkan pendirian-nya. Bahkan sikap-nya yang menyusur angin itu terus kukuh dan hidup, sa-hingga memeranjatkan bapa saudara-nya serta sekalian kafir Quraish apabila Baginda bersabda, maksud-nya: "Wahai bapa! Demi Allah, sekiranya mereka meletakkan matahari di-tangan kanan-ku dan bulan di-tangan kiri-ku supaya aku meninggalkan dakwah ini, maka tidak! Aku tidak akan meninggalkan-nya sa-hingga Allah memberikan kemenangan ataupun aku hancor kerana-nya."

Rasulullah kemudian kelihatan menangis sambil berdiri, tetapi segera di-panggil semula oleh Abu Talib dengan berkata: "Wahai anak-ku! Pergi-lah, dan katakan-lah apa yang engkau suka. Demi Allah! Aku tidak akan membiarkan engkau buat sa-lama2-nya" (lihat Surah Ibnu Hisham 1/284).

2. Peristiwa lain: Sa-orang bangsawan Quraish, 'Atabah bin Rabi'ah telah menghadapkan kepada bangsa-nya satu chadangan, ia-itu berbangkit dari Islam-nya Syedina Hamzah bin Abdul Muttalib, sa-orang pahlawan besar yang tidak ada tolok banding-nya pada masa itu. Chadangan itu meminta Baginda Rasulullah supaya memberhentikan dakwah-nya — dengan janji — jika Rasulullah bersetuju, mereka akan menawarkan upah yang amat besar. Chadangan itu di-persetujui oleh sekalian kaum Quraish, lalu diutus-lah 'Atabah bin Rabi'ah menghadap Rasulullah. Dan terdajilah dialog antara 'Atabah dan Baginda — terjemahan-nya:

"Wahai Muhammad!" 'Atabah memulakan perchakapan. "Sesungguh-nya engkau ada-lah dari kalangan keluarga kami yang mulia dan keturunan ternama. Engkau telah datang dengan-nya engkau pechah-belahkan jemaah mereka, engkau hinakan Tuhan2 dan ugama mereka dan engkau sangkal kebaikan masa lampau bapa2 mereka. Dengar-lah sekarang kepada-ku! Aku sampaikan kepada-mu beberapa perkara un-

tok engkau fikirkan, mudah2an engkau dapat menerima satehengah daripada-nya pun jadi-lah."

Menyahun Baginda Rasulullah, yang erti-nya: "Katakan-lah wahai Abal Walid (gelaran kepada 'Atabah), saya mendengar-nya."

Berkata-lah 'Atabah: "Wahai anak-ku! Jika engkau mahukan harta sa-bagai tukaran dari apa yang engkau lakukan ini, maka kami akan kumpulkan segala harta2 kami yang ada untuk engkau, sa-hingga jadi-lah engkau orang yang paling kaya diantara kami. Dan jika bukan ini yang engkau mahu, tetapi engkau berkehendakkan kemuliaan, maka kemuliaan itu pun sanggup kami berikan semua-nya kepada-mu. Dan jika ini pun engkau tidak mahu, tetapi engkau berkehendak supaya kami jadikan engkau raja, maka akan kami jadikan engkau raja."

Sa-jurus sebaik sahaja 'Atabah telah menghabiskan perchakapan-nya, Rasulullah pun bersabda erti-nya: "Apa-kah sudah selesai wahai Abal Walid?"

"Ya."
"Baik, dengarkan daripadaku," sabda Baginda.
"Saya mendengar."

Maka Baginda Rasulullah pun membaca Surah Fusilat, Antara-nya ayat 1 hingga 5, bermaksud: "Dengan nama Allah yang pemurah lagi penyayang. Wahyu daripada Allah yang pemurah lagi penyayang (ia-itu) Kitab, yang di-jelaskan semua ayat2-nya itu (bernama) Al-Kor'an dalam bahasa Arab, untuk kaum yang mengetahui. Ia membawa berita gembira dan peringatan yang keras, tetapi kebanyakan orang membelakangi-nya dan tiada mahu mendengar. Mereka berkata: Hati kami telah tertutup terhadap apa yang engkau serukan kepada kami, dan telinga kami tuli, dan di-antara kami ada hijab (tabir) yang membatasi, sebab itu engkau perbuat-lah (sesuka hati-mu), kami pula memperbuat (apa yang kami suka)." Rasulullah membaca selanjut-nya Surah itu dan 'Atabah terbungkam tidak terkata apa2. Sambil mendengar, tangan-nya di-letakkan ka-atas belakang Nabi. Manakala sampai kepada ayat As-Sajdah dari Surah ini, Baginda sujud, dan kemudian bersabda—

oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA



HJ. ABD. AZIZ JUNEJ

Siri ke-19

erti-nya: "Ada-lah tuan mendengar-nya apa yang saya dengar, wahai Abal Walid?"

'Atabah pun kembali kepada kaum-nya, dan mereka menyambut-nya sambil berbisik2 di-antara satu sama lain: "Demi Tuhan berhalal! Abal Walid ('Atabah) telah datang semula kepada kita, tetapi bukan-lah dengan wajah yang mula2 ia menemui Muhammad dahulu."

Sebaik2 sahaja 'Atabah duduk, lalu mereka ramai2 bertanya: "Apa yang terjadi, wahai Abal Walid?"

Menjawab 'Atabah: "Saya telah mendengar suatu perchakapan, tetapi demi Allah! Belum pernah saya mendengar-nya yang sa-umpama itu sebelum ini. Demi Allah, bukan-lah dia itu sha'er atau sajak atau sihir. Wahai orang2 Quraish! Patoh-lah tuan2 kepada saya, tinggalkan-lah Muhammad dengan apa yang ia ada. Demi Allah, apa yang saya dengar daripada-nya — saya tidak ragu — ada-lah suatu BERTAKUT BESAR, kiranya menerima orang2 Arab neschaya memadai-lah dengan-nya. Apa yang jadi milek-nya akan menjadi milek tuan2, yang jadi kemuliaan-nya akan menjadi kemuliaan tuan2, dan tuan2-lah umat yang paling bahagia."

"Demi Tuhan! Engkau telah di-sihir oleh Muhammad, wahai Abal Walid!" Bentak orang2 Quraish sebaik2 sahaja 'Atabah mengakhiri ucapan-nya.

"Ini pandangan saya, jika tuan2 tidak setuju, terpulang-lah." Jawab 'Atabah dengan tenang.

